

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
7-9	KPT-MASUM KNIGHT IDAM KELOMPOK EMPAT TERBAIK	2 SEPTEMBER 2024	METRO
10-12	KPT SAMBUT BAIK USAHA IPT WUJUDKAN FAKULTI AI	2 SEPTEMBER 2024	UTUSAN MALAYSIA
13-15	TANGGUNGJAWAB TARIK MINAT DEKATI STEM PERLU SINERGI SEMUA PIHAK	2 SEPTEMBER 2024	UTUSAN MALAYSIA
16-18	WACANA INDUSTRI: PERSEDIAAN INTELEK KERANGKA LATIHAN INDUSTRI BERKUALITI	2 SEPTEMBER 2024	UTUSAN MALAYSIA
19-21	GIAT MARA PRIMA UNTUK ORANG ASLI, BELIA GUA MUSANG	2 SEPTEMBER 2024	UTUSAN MALAYSIA
22-24	SINERGI INDUSTRI DAN POLYCC PERKASA BIDANG TVET	4 SEPTEMBER 2024	BERNAMA ONLINE
25-27	KPT PERLUAS PROGRAM WBL TINGKAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN	4 SEPTEMBER 2024	SINAR HARIAN
28-31	PERSAINGAN SUKIPT 2024 DIJANGKA LEBIH SENGIT	6 SEPTEMBER 2024	METRO

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
32-35	PEJABAT AHLI PARLIMEN IPOH TIMOR TAWAR KURSUS TVET DI CHINA	6 SEPTEMBER 2024	METRO
36-39	LAPORAN IMPAK KAJIAN KESAN AI, PENDIGITALAN PASARAN KERJA SIAP HUJUNG BULAN INI	6 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
40-42	POLITEKNIK MALAYSIA DAN UTAR DOMINASI KARATE	7 SEPTEMBER 2024	METRO
43-45	LEBIH 500,000 PESERTA TERIMA MANFAAT PROGRAM EUSAHAWAN	7 SEPTEMBER 2024	METRO
46-48	POLITEKNIK MALAYSIA, UTAR DOMINASI KARATE, TAEKWONDO	7 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
49-51	ZAMBRY KE SWITZERLAND BAGI PERKASA TVET NEGARA	7 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
52-54	EMAS PETANQUE DOUBLE WANITA MILIK POLITEKNIK MALAYSIA	8 SEPTEMBER 2024	METRO
55-57	'PENSYARAH DARI SYURGA' TERIMA PENGHARGAAN KESUMA, LIM DIJADIKAN ANAK ANGKAT	8 SEPTEMBER 2024	METRO

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
58-60	PERASMIAN SUKIPT 2024 BERLANGSUNG MERIAH	8 SEPTEMBER 2024	METRO
61-63	SUKIPT 2024 DISINGKAP MERIAH	8 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
64-66	VIVIANAH-NISRINA JULANG POLITEKNIK MALAYSIA	8 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
67-69	POLITEKNIK MALAYSIA LAKAR SEJARAH MENANG EMAS REGU SEPAK TAKRAW	9 SEPTEMBER 2024	METRO
70-72	KOLEJ VOKASIONAL KHUSUS BANGUN KEPAKARAN TEMPATAN DALAM EV BAKAL DIBUKA MENJELANG 2027	9 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
73-76	MALAYSIA SASAR HASILKAN UAV TEMPATAN	11 SEPTEMBER 2024	METRO
77-80	POLITEKNIK MALAYSIA JUARA E-SUKAN SUKIPT 2024	12 SEPTEMBER 2024	METRO
81-82	POLITEKNIK MALAYSIA JUARA PUBG MOBILE SUKIPT 2024	12 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
83-84	UMAR CIPTA REKOD TEMASYA SUKIPT 2024	12 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
85-87	KONGSI HASIL PENYELIDIKAN DEMI MANFAAT BERSAMA	13 SEPTEMBER 2024	METRO
88-91	KABINET SETUJU IKTIRAF SKM TAHAP 6, 7 DAN 8 SETARAF IJAZAH KELAS PERTAMA	14 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
92-94	SEBAHAGIAN PERUNTUKAN RM200 JUTA TVET DIAGIH UNTUK KOLEJ BAWAH MCA, MIC	15 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
95-99	SERLAH SKIL TVET	16 SEPTEMBER 2024	METRO
100-103	PEMAIN INDUSTRI DIGALAK GUNA KHIDMAT GRADUAN TVET DALAM BIDANG HALAL	17 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
104-107	SASAR 1,500 GRADUAN TVET	18 SEPTEMBER 2024	METRO
108-110	GAJI PREMIUM LEPASAN TVET DITETAPKAN SEHINGGA RM4,000	23 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
111-114	KERAJAAN TUBUH AKADEMI KESELAMATAN SIBER MALAYSIA	23 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
115-117	INSTITUSI TVET PERLU JAMIN KUALITI GRADUAN SEJAJAR PENETAPAN GAJI PREMIUM	24 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
118-122	PENUBUHAN HAB DIGITAL TVET & CAREERS SELARI DENGAN PERMINTAAN BAKAT MAHIR	26 SEPTEMBER 2024	METRO
123-126	SEKTOR SWASTA PERLU BANTU BANGUNKAN PENDIDIKAN TEKNOLOGI AI	26 SEPTEMBER 2024	METRO
127-130	PENETAPAN GAJI PREMIUM TARIK GOLONGAN MUDA UBAH STIGMA TVET 'KELAS KEDUA'	26 SEPTEMBER 2024	METRO
131-134	SEKTOR SWASTA PERLU BANTU BANGUNKAN PENDIDIKAN TEKNOLOGI AI	27 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
135-137	MITI DAY 2024 PADA 1 OKTOBER TAWAR LEBIH 2,600 PELUANG KERJA	28 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN
138-141	TVET TAHFIZ DIPERLUAS KE BIDANG PENERBANGAN	27 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
142-145	GRADUAN UCAM BUKAN HANYA 'MAKAN GAJI'	28 SEPTEMBER 2024	METRO
146-149	MEDAN PROMOSI PROGRAM TVET	28 SEPTEMBER 2024	METRO
150-152	KOS PENYELESAIAN SAMBUNGAN INTERNET DI UNIVERSITI AWAM DIANGGAR SEHINGGA RM1 BILION	29 SEPTEMBER 2024	BERITA HARIAN

METRO

2 SEPTEMBER 2024

MY METRO | KPT-MASUM KNIGHT IDAM KELOMPOK EMPAT TERBAIK

KPT-MASUM Knight idam kelompok empat terbaik

Amirul Fazli Zulkafli
sukan@hmetro.com.my



DR Hanafiah (barisan depan, lima dari kanan) bersama pemain KPT-MASUM Knight yang akan beraksi dalam Kejohanan Liga Sepak Takraw (STL) Premier 2024. FOTO SUKAN IPT.

Kuala Lumpur: Pasukan KPT-MASUM Knight optimis mampu mengakhiri saingan Kejohanan Liga Sepak Takraw (STL) Premier 2024 dalam kelompok empat terbaik musim ini.

Timbalan Setiausaha Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Dr Hanafiah Ayub berkata, dengan kemasukan beberapa pemain baharu dalam pasukan, beliau yakin skuad kendalian Rul Amri Hashim dapat mengekalkan prestasi lebih baik dari awal hingga perlawanan terakhir liga nanti.

Jelasnya, mereka mengambil jurulatih berpengalaman bagi membantu pemain menampilkan prestasi terbaik dari semasa ke semasa, sekali gus segala perancangan menjadi kenyataan.

"Sasaran kita adalah empat terbaik sebab pada tahun lalu pun kita berada dalam empat yang utama.

"Tiba-tiba di hujung liga, momentum kita agak menurun, tetapi dengan pemain yang ada, tidak mustahil kita boleh ambil peluang itu untuk mendapatkan tempat empat terbaik.

Rombakan kejurulatihan, taktikal dan sebagainya dibuat kerana kita kenal pasti salah satu komponen paling penting ialah pengalaman.

Rombakan kejurulatihan, taktikal dan sebagainya dibuat kerana kita kenal pasti salah satu komponen paling penting ialah pengalaman.

"Ia bermakna pemain kita memang berbakat, tetapi pengalaman perlu didedahkan. Sebab itu kita ambil ketua jurulatih yang baru (Amri Hashim) untuk bantu memberi pengalaman kepada pemain," katanya selepas sesi pengenalan pasukan KPT-MASUM Knight ke kejohanan STL 2024 di KPT, hari ini.

Beliau melihat sistem baharu iaitu 15 mata yang digunakan dalam pertandingan ketika ini amat bagus kerana ia akan memberi lebih konsistensi kepada pemain.

Disiarkan pada: September 2, 2024 @ 6:19pm

UTUSAN MALAYSIA

2 SEPTEMBER 2024

UTUSAN MALAYSIA | KPT SAMBUT BAIK USAHA IPT WUJUDKAN FAKULTI AI

KPT sambut baik usaha IPT wujudkan fakulti AI



Zambry (tengah) ketika merasmikan Kongres GTEST 2024 anjuran UniMAP di Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

2 September 2024, 5:40 pm

[KEPALA BATAS : Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyokong usaha institut pengajian tinggi (IPT) dalam meneroka dan mewujudkan Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) selaras agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, beliau yakin pendekatan baharu yang ditekankan iaitu setiap universiti memiliki program unggulan (signature program) bertaraf global itu dapat dilaksanakan.

Katanya, ini kerana, ia adalah salah satu daripada program pengantarabangsaan dalam dasar pendidikan tinggi negara dan kementerian mahu meletakkan universiti tempatan di posisi terbaik di peringkat antarabangsa.

“Seperti yang kita sedia maklum, kita telah melancarkan fakulti AI sebelum ini di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), namun, kita tidak menghalang universiti-universiti yang mempunyai kepakaran untuk meneruskannya.

“Kalau sebelum ini terdapat universiti yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains komputer misalnya, tentunya selaras peredaran masa mereka juga perlu membuat perubahan dalam fakulti terbabit.

“Seperti yang disyorkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang mahu memiliki fakulti sains komputer dan juga AI, kita tidak ada halangan untuk mereka meneruskan dan mewujudkan fakulti berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres ‘Global Trends In Engineering, Science and Technology’ (GTEST 2024) anjuran UniMAP di Bertam di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Zambry turut memuji usaha UniMAP yang melaksanakan program yang berjaya menghimpunkan lebih 350 delegasi dari seluruh dunia.

“Kita dapat lihat program ini mengumpulkan individu yang masing-masing mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan, bukannya semata-mata melaksanakan program yang mereka tidak ada kemahiran di dalamnya.

“Pakar dalam bidang kejuruteraan dan dan pelbagai lagi teknologi lain digabungkan melalui satu konsep baharu iaitu pendekatan antaradisiplin sekali gus membuktikan satu perubahan baharu dalam sistem pendidikan hari ini,” katanya.-UTUSAN

UTUSAN MALAYSIA

2 SEPTEMBER 2024

UTUSAN MALAYSIA | TANGGUNGJAWAB TARIK MINAT DEKATI STEM PERLU SINERGI SEMUA PIHAK

Tanggungjawab tarik minat dekati STEM perlu sinergi semua pihak



ZAMBRY Abdul Kadir (tengah) ketika melawat Oppstar Berhad di Pusat Inkubasi Universiti Sains Malaysia (USM), di Bukit Jambul, Pulau Pinang, hari ini.

Oleh SAHINA RAMLI 2 September 2024, 8:21 pm

Oleh SAFINA RAMLI

2 September 2024, 8:21 pm

GEORGE TOWN : Tanggungjawab untuk menarik minat golongan muda terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) tidak hanya terletak pada Kementerian Pendidikan semata-mata.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, sebaliknya, usaha itu memerlukan sinergi berterusan daripada semua pihak agar minat dalam bidang itu dapat dibentuk bermula dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat universiti.

“Ini adalah salah satu daripada isu utama kita sekarang dan kita sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk memastikan minat dalam kalangan pelajar untuk memasuki bidang STEM ini dapat dipertingkatkan.

“Dalam hal ini, kita tidak boleh hanya memberikan tanggungjawab kepada Kementerian Pendidikan semata-mata. Ia mesti ada satu sinergi yang mempunyai kesinambungan.

“Bukan sahaja hanya di Kementerian Pendidikan yang memberikan tumpuan kepada pendidikan di sekolah rendah dan sekolah menengah, tetapi juga di Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan mereka berminat dengan aliran STEM,” katanya dalam sidang akhbar di Pusat Inkubasi Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, hari ini.

Menurut Zambry, bidang industri terutamanya yang berkaitan dengan teknologi memerlukan tenaga kerja yang terdiri daripada pelbagai aspek kemahiran, dan permintaan daripada pihak industri juga agak tinggi pada masa ini.

“Kerana itu, kita perlu menyesuaikan permintaan tersebut dengan menyediakan tenaga kerja yang sesuai,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau menegaskan bahawa hubungan tiga hala antara kerajaan, universiti, dan pemain industri perlu terus diperkukuh memandangkan ketiga-tiganya memainkan peranan penting yang dapat memberi impak besar kepada negara.

“Hubungan antara pihak industri, universiti, dan kerajaan ini sangat penting. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kita membuka ruang kepada para penyelidik untuk menjalankan tugas mereka agar mereka dapat mengeluarkan hasil-hasil yang baik, khususnya dalam dunia semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), dan sebagainya,” katanya.-UTUSAN

UTUSAN MALAYSIA

2 SEPTEMBER 2024

UTUSAN MALAYSIA | WACANA INDUSTRI: PERSEDIAAN INTELEK KERANGKA LATIHAN INDUSTRI BERKUALITI

Wacana Industri: Persediaan intelek kerangka latihan industri berkualiti



WAN MARINA Wan Mohd. Nowalid (dua dari kanan) berbual dengan penuntut Kolej Komuniti Paya Besar di Kuantan, Pahang.

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA 2 September 2024, 6:06 pm

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

2 September 2024, 6:06 pm

KUANTAN: Program wacana kerjasama antara kolej komuniti dan pemain industri merupakan strategi pemer-kasaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menerapkan nilai-nilai perkongsian ilmu yang lebih menarik dan berkesan.

Selaras kepakaran yang ada, amalan pengajaran kolaboratif yang dibawa ke dalam program ini mampu mengoptimumkan pengetahuan dan memberikan pendedahan awal tentang perkembangan industri kepada penuntut yang akan menjalani latihan.

Selain itu, perkongsian daripada alumni yang sudah berjaya, menjadi pemangkin dan pembakar semangat para penuntut mengikuti jejak langkah mereka.

Timbalan Pengarah, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi, Wan Marina Wan Mohd. Nowalid berkata, kerjasama inovatif antara kolej komuniti dan pemain industri memberi pendedahan teknikal kepada tenaga mahir yang profesional dan berautoriti.

“Ia jua dapat membantu meningkatkan kualiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET), sekali gus membangunkan sumber tenaga kerja yang mahir, berpengetahuan serta kompetitif dalam persekitaran perhubungan perusahaan di industri bagi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Wan Marina dalam pada itu berkata, program Industry On Campus (IOC) merupakan inisiatif bagi penuntut untuk merasai persekitaran sebenar industri dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Beliau berkata, melalui strategi ini, Kementerian Pendidikan Tinggi menyasarkan Kolej Komuniti yang menawarkan program TVET mempunyai hubungan yang akrab dan serius dengan pihak industri.

“Selain merapatkan jurang antara kehendak industri dengan sumber tenaga pekerja mahir yang diperlukan negara, IOC jua secara tidak langsung dapat mengekang lambakan pekerja asing malah turut bertindak sebagai pembekal sumber tenaga mahir.

“IOC dilihat mampu menterjemahkan potensinya dalam membangunkan keupayaan, inovasi dan keberkesanan sektor pendidikan tinggi melalui kolaborasi industri dan penerokaan ruang pendidikan yang anjal,” katanya. – UTUSAN

BERITA HARIAN

3 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | GIAT MARA PRIMA UNTUK ORANG ASLI, BELIA GUA MUSANG

GiatMara Prima untuk Orang Asli, belia Gua Musang

Oleh Paya Linda Yahya - September 3, 2024 @ 10:26am

bhnews@bh.com.my



Mohd Syahbuddin menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan rumah berhias sempena sambutan Hari Kebangsaan di Kampung Batu Papan, Gua Musang. - Foto NSTP/Paya Linda Yahya

GUA MUSANG: Pusat GiatMARA Prima untuk masyarakat Orang Asli dan belia di daerah ini akan ditubuhkan yang kini dalam kajian terperinci Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim, institusi pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) itu akan beroperasi di Kem Taman Etnobotani.

Katanya, GiatMARA Prima yang akan ditubuhkan itu bakal menjadi mercu tanda baharu institusi pendidikan di Gua Musang.

"Saya sudah mengadakan perbincangan dengan Ketua Pegawai Eksekutif GiatMARA, Ahmad Hamdi Ibrahim berhubung cadangan penubuhan GiatMARA Prima di bandar Gua Musang minggu lalu.

"Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki sudah mengarahkan kajian terperinci dilaksanakan terhadap permohonan yang saya kemukakan iaitu untuk menaik taraf Kem Taman Etnobotani di sini menjadi Pusat GiatMara Prima.

"GiatMARA Prima ini ialah satu pusat latihan besar yang meliputi ramai pelatih termasuklah kita khususnya kepada masyarakat Orang Asli," katanya ketika ditemui di Kampung Batu Papan, di sini.

Mohd Syahbuddin berkata, kajian terperinci perlu dilaksana terlebih dahulu bagi memastikan kesesuaian kursus yang akan dilaksanakan kerana ia membabitkan pelatih daripada masyarakat Orang Asli.

Katanya, pusat pendidikan itu juga akan menjadi batu loncatan bagi belia untuk terus meneroka bidang kemahiran dan seterusnya mengubah masa depan mereka.

"Tawaran yang kita beri perlu selari dengan tawaran di luar bandar tak boleh 'syok sendiri' kerana bimbang ia tak dapat sambutan daripada masyarakat luar bandar.

"Antara bidang yang sesuai ditawarkan termasuk bidang automatif, penyelenggaraan mesin, industri perkayuan, agro dan banyak lagi. Insya-Allah kita harap hasrat ini dapat direalisasikan segera," katanya.

Terdahulu media melaporkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan mewujudkan institusi pendidikan di daerah ini bagi faedah anak peneroka Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dilaporkan berkata ia akan menawarkan latihan dan membuka peluang pekerjaan kepada anak muda dan lepasan sekolah di bawah agensi itu.

BERNAMA

4 SEPTEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | SINERGI INDUSTRI DAN POLYCC PERKASA BIDANG TVET

Sinergi Industri Dan POLYCC Perkasa Bidang TVET – Zambry

🕒 04/09/2024 07:13 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (empat, kanan) merasmikan Program Industri Nexus POLYCC 2024 di Politeknik Ungku Omar hari ini. Turut hadir Pengerusi Yayasan Telekom Malaysia, Datuk Zainal Abidin Putih (tiga, kanan).

IPOH, 4 Sept (Bernama) -- Pendekatan sinergi antara industri dengan institusi pengajian tinggi (IPT) diperluas ke politeknik serta kolej komuniti (POLYCC) sebagai langkah memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata langkah itu adalah antara pendekatan baharu dalam mendepani perubahan dunia pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi terhadap bidang baharu termasuk TVET.

"Jika sebelum ini kita hanya menekankan sinergi antara industri dengan kursus ditawarkan di universiti, kini ia turut diperluas ke politeknik dan kolej komuniti sebagai usaha mengangkat kedudukan pengajian dalam bidang teknikal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Industri Nexus POLYCC 2024 (INDEX POLYCC 2024) di Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Datuk Dr Mohd Zahari Ismail.

Zambry berkata pihaknya kini juga sedang melaksanakan sistem pembelajaran berasaskan kerja dan pelajar-pelajar bidang kemahiran digalakkan meneruskan pengajian semasa dalam industri (pekerjaan) untuk memperoleh sijil tahap lebih tinggi termasuk ijazah.

"Kita sedang fikirkan mungkin dua tahun di kampus, dua tahun di industri (untuk layak dapat sijil lebih tinggi), dan sistem ini telah kita mulakan bagi kursus di MTUN (Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia) dan di Politeknik Ungku Omar juga ada kursus-kursus yang ditawarkan sehingga peringkat ijazah," katanya.

Sementara itu, Mohd Zahari dalam ucapannya berkata kebolehpasaran lepasan politeknik mencatat 97.1 peratus pada tahun lepas dan menarik lebih 30,000 pelajar bagi ambilan baharu, baru-baru ini.

“Kejayaan besar ini antaranya kerana sokongan padu 19,000 industri sama ada dalam bentuk tajaan peralatan, biasiswa, penempatan latihan industri dan perkongsian kepakaran,” katanya.

INDEX POLYCC 2024 merupakan platform Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berinteraksi dengan 20 Ahli Majlis Penasihat Industri Politeknik, membolehkan pensyarah dan pelajar mendapat manfaat melalui penawaran program mengikut keperluan industri, latihan industri terkini sekali gus meningkatkan kebolehpasaran siswazah.

Pada majlis sama, sebanyak 45 pemain industri menerima Watak Pelantikan CEO@POLYCC termasuk pengarah terkenal yang juga Pengarah Urusan Skop Production Sdn Bhd Datuk Yusof Haslam diikuti sesi pertukaran 15 Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPPKK dengan industri.

Dalam pada itu, pihak Yayasan Telekom Malaysia (YTM) turut menyerahkan sumbangan bernilai RM3.5 juta kepada JPPKK melalui pelancaran TM TVET Madani @ POLYCC sebagai usaha sinergi dan kolaborasi antara YTM dengan JPPKK dalam memartabatkan institusi TVET di Malaysia.

Peruntukan itu antara lain bertujuan melaksanakan aktiviti penyediaan kemudahan pembelajaran mengikut spesifikasi industri serta latihan dan pensijilan profesional menerusi bidang fokus seperti keselamatan siber, pengkomputeran awan dan ujian perisian.

-- BERNAMA

SINAR HARIAN

4 SEPTEMBER 2024

SINAR HARIAN | KPT PERLUAS PROGRAM WBL TINGKAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN

KPT perluas program WBL tingkat kebolehpasaran graduan

Oleh NOOR AINON MOHAMED

Follow

04 September 2024 06:25pm

Masa membaca: 2 minit



Zambry ketika berucap pada majlis INDEX POLYCC 2024 di PUO pada Rabu.

IPOH - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memperluaskan program pembelajaran berasaskan kerja atau work based learning (WBL) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata, transformasi dalam sistem pendidikan tinggi itu perlu berikutan dunia mengalami pembangunan pesat yang memerlukan kemahiran baharu dalam bidang pekerjaan.

"Kementerian diberi tugas khas bagi merencana semula dari segi sistem pendidikan teknikal khususnya dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memastikan tenaga kerja yang diperlukan dalam industri dapat diselaraskan.

"Kita telah menggunakan pendekatan 'triple helix' iaitu hubungan di peringkat kerajaan, industri dan in-

"Menerusi kerjasama itu, pihak industri juga akan turut serta dalam proses pengajaran yang mana mereka akan membuka ruang praktikal untuk pelajar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Industri Nexus POLYCC (INDex POLYCC 2024) di Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini, pada Rabu.

Zambry berkata, menerusi program itu, proses pembelajaran pelajar tidak hanya tertumpu di dalam kampus sebaliknya memperoleh pengalaman kerja sebelum tamat pengajian.

Tambah beliau, program itu telah dilaksanakan di Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

"Di peringkat politeknik, terdapat beberapa politeknik telah menjayakannya termasuk Politeknik Ungku Omar yang merupakan politeknik premier dalam negara.

"Ini merupakan perubahan dalam sistem pendidikan tinggi negara," katanya.

Terdahulu, Zambry menyampaikan watakah pelantikan CEO@POLYCC kepada seramai 45 pemain industri diikuti sesi pertukaran 15 Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan industri.

Pada majlis sama, Yayasan Telekom Malaysia (TM) menyerahkan sumbangan bernilai RM3.5 juta kepada JPPKK melalui pelancaran TM TVET Madani @ POLYCC sebagai usaha sinergi dan kolaborasi di antara YTM dan JPPKK dalam memartabatkan institusi TVET di Malaysia.

METRO

6 SEPTEMBER 2024

MY METRO | PERSAINGAN SUKIPT 2024 DIJANGKA LEBIH SENGIT

Persaingan SUKIPT 2024 dijangka lebih sengit

Izzali Ismail
sukan@hmetro.com



MEGAT Sany (tengah) selepas merasmikan Perkampungan Sukan SUKIPT 2024 di UUM sebentar tadi. FOTO IZZALI ISMAIL

Sintok: Persaingan memburu pingat dikalangan universiti-universiti pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah bermula hari ini hingga 14 September diyakini semakin tinggi berbanding sebelum ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi Datuk Dr Megat Sany Megat Ahmad Supian berkata, daripada 76 kontinjen yang menyertai SUKIPT 2024, semuanya menanam hasrat untuk memberi saingan terbaik bagi merebut pingat pada temasya kali ini.

"Kalau kita lihat rekod dari sejarah kejohanan SUKIPT yang lalu, memang kita ada universiti tertentu yang kuat antaranya seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang pernah menjuarai kejohanan ini dan disebabkan mereka secara tradisinya memang serius dalam membangunkan atlet melalui fasiliti yang mereka ada.

"Namun, universiti-universiti lain termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga sebenarnya sedang berusaha menaikkan nama mereka dan mereka juga teruja bila adanya temasya sukan setiap dua tahun sekali ini, di mana mereka juga ingin menonjolkan acara sukan yang mereka boleh capai di peringkat SUKIPT.

"Dari segi potensi apabila dapat bertanding bersama-sama dengan institusi pengajian tinggi yang lain, sudah pasti mereka tahu di mana tahap yang mereka dan mahu membuktikan kemampuan yang mereka ada. Pihak IPTS ini pun banyak menyumbangkan pingat-pingat di peringkat dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa," katanya selepas merasmikan Perkampungan Sukan SUKIPT di UUM sebentar tadi.

Menurut Megat Sany lagi, pencapaian yang mahu ditunjukkan oleh setiap pasukan pada setiap acara SUKIPT 2024 kali ini adalah budaya yang bakal dibuktikan berbanding temasya yang lalu.

"Kalau kita lihat pada perkembangan sukan kini, pembabitan atlet dari IPTA dan IPTS semakin berkembang dan ini kesan sumbangan atlet IPT itu sendiri dalam arena sukan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ia menunjukkan satu longgokan yang cukup drastik di Malaysia dan saya rasa bangga jugalah.

"Saya rasa semua boleh mengakui lebih daripada 50 peratus atlet disumbangkan oleh kami, jadi maksudnya potensi kami ini sebenarnya adalah jauh lebih besar sebenarnya dan kalau kita tengok juga dari segi kontinjen yang hadir, bukan setakat daripada IPT tetapi juga daripada IPTS," katanya.

Setakat jam 6 petang tadi, tiga kedudukan teratas carta memperlihatkan Sunway University berjaya memungut dua emas dan satu perak, diikuti Politeknik Malaysia dengan satu emas dan satu perak.

Manakala UiTM berada di kedudukan ketiga dengan satu pingat emas setakat ini.

SUKIPT 2024 edisi keenam ini menghimpunkan lebih 6,000 atlet yang disertai 76 kontinjen untuk beraksi dalam 28 acara sukan di 19 gelanggang dengan jumlah 231 pingat untuk direbut.

Disiarkan pada: September 6, 2024 @ 8:37pm

METRO

6 SEPTEMBER 2024

MY METRO | PEJABAT AHLI PARLIMEN IPOH TIMOR TAWAR KURSUS TVET DI CHINA

Pejabat Ahli Parlimen Ipoh Timor tawar kursus TVET di China

BERNAMA



HOWARD Lee, gambar fail. FOTO NSTP

Ipoh: Sebanyak 20 penyertaan dibuka kepada mana-mana individu yang berminat untuk mengikuti kursus penjagaan dan pengurusan luka di Kolej Teknikal dan Vokasional Anshun, China pada 23 hingga 30 September ini.

Ahli Parlimen Ipoh Timor Howard Lee Chuan How berkata, tawaran itu dibuka kepada mereka berusia 18 hingga 40 tahun dan sekiranya berminat bolehlah menghubungi Pejabat Ahli Parlimen Ipoh Timor bagi melakukan pendaftaran yang dibuka bermula 6 hingga 12 September ini.

"Sebanyak 20 kekosongan kita buka kepada individu berkeelayakan untuk menyertai kursus ini yang ditaja sepenuhnya Pejabat Ahli Parlimen Ipoh Timor dan kerajaan China.

"Antara syarat kelayakan pendaftaran adalah individu berumur 18 hingga 40 tahun serta mempunyai pengalaman dalam gerakan kerja amal yang ada kaitan dengan Bulan Sabit Merah, St John Ambulance Malaysia, Bomba Sukarela dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada sidang media di Pejabat Ahli Parlimen Ipoh Timor di sini hari ini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Buntong M. Thulsi dan Pengarah Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak) Aldrin Ng.

Howard berkata, tujuan utama kursus itu dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan serta memperkasakan bidang berkenaan yang tertakluk di bawah program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

"Ini objektif utama kita iaitu selain mengukuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, program seumpama ini juga dilihat berperanan dalam membantu memperkasakan program TVET di Malaysia," katanya.

Ditanya tentang pemilihan China sebagai lokasi kursus, beliau berkata, kemudahan serta kecanggihan teknologi menjadi antara faktor yang menyebabkan usaha sama ini dilaksanakan dengan negara Tembok Besar itu.

"Buat masa ini, China antara negara yang mempelopori bidang TVET dan saya fikir peluang ini harus digunakan sebaiknya bagi menajamkan lagi kemahiran serta pengetahuan mereka yang terpilih nanti," katanya.

Sementara itu, Thulsi berkata, peluang diwujudkan itu seharusnya digunakan sebaiknya oleh mana-mana individu berminat bagi menambah pengetahuan dalam bidang berkenaan.

"Peluang seumpama ini tidak harus dilepaskan kerana ia tidak selalu datang dan mereka yang terpilih nanti diharap menggunakan peluang berkenaan sebaiknya dalam menambah pengalaman dalam bidang itu," katanya.

Disiarkan pada: September 6, 2024 @ 7:52pm

BERITA HARIAN

6 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | LAPORAN IMPAK KAJIAN KESAN AI, PENDIGITALAN PASARAN KERJA SIAP HUJUNG BULAN INI

Laporan impak kajian kesan AI, pendigitalan pasaran kerja siap hujung bulan ini

Oleh BERNAMA - September 6, 2024 @ 5:48pm



Menteri Sumber Manusia, Steven Sim (kanan) diberi penerangan mengenai kajian sperma haiwan oleh Dekan Fakulti Pertanian Lestari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Abdul Hamid Ahmad ketika melawat makmal penyelidikan sebelum merasmikan Forum Mengenai Masa Depan Tenaga Kerja Dalam Pertanian Lestari di UMS, hari ini. - Foto

BERNAMA

SANDAKAN: Laporan kajian mengenai impak kecerdasan buatan (AI), pendigitalan dan ekonomi hijau terhadap tenaga dan pasaran kerja di Malaysia akan siap pada hujung bulan ini.

Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong, berkata laporan kajian yang dibuat pihaknya itu akan menjadi panduan dalam mendepani cabaran ekonomi abad ke-21 sekali gus persediaan untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja di sektor terkesan.

"Jadi, kita akan nampak daripada laporan itu apa akan jadi pada pekerjaan tertentu dalam masa tiga hingga lima tahun akan datang," katanya kepada media selepas menghadiri Forum *Future Workforce In Sustainable Agriculture*, di sini, hari ini.

Melalui laporan kajian itu, Sim berkata, pihaknya juga boleh memberi tumpuan termasuk kemahiran serta pekerjaan baharu yang muncul berikutan dengan perkembangan AI.

"Sebab AI ini, mungkin ada peranan baharu, jadi kita akan beri tumpuan pada latihan yang akan membolehkan pekerja di Malaysia mendapat pekerjaan pada era AI, digitalisasi dan ekonomi hijau," katanya.

Sementara itu, Sim berkata, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mempunyai dana RM2.6 bilion bagi meningkatkan kemahiran serta pembangunan modal insan di negara ini.

"Dana ini termasuk daripada levi HRD Corp, TalentCorp, jadi kita guna pakai dana ini bagi melihat kepada pembangunan modal insan untuk mereka berdepan dengan cabaran masa kini misalnya AI, ini semua perkembangan baharu," katanya.

Sim dalam ucapannya turut berharap majikan serta anak muda di Sabah mengguna pakai sumber RM60 juta yang disediakan HRD Corp untuk negeri itu pada tahun ini bagi membolehkan tenaga kerja pakar berkemahiran dilahirkan termasuk dalam sektor pertanian.

"Di Sandakan saja, (HRD Corp) terdapat sekurang-kurangnya RM6 juta dari segi sumber untuk melatih anak muda," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan syarikat menyertai program Akademi Dalam Industri (ADI) sebagai usaha membangunkan bakat tempatan pada masa hadapan yang mapan dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri.

"Insentif diberikan kepada syarikat untuk mengambil pekerja dan memberikan latihan dalam tempoh 12 hingga 18 bulan," katanya.

Sim berkata, pihaknya juga dalam rancangan memperluas serta memperkukuh lagi sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutamanya dalam KESUMA untuk memberikan kursus kemahiran yang relevan kepada industri. – BERNAMA

METRO

7 SEPTEMBER 2024

MY METRO | POLITEKNIK MALAYSIA DAN UTAR DOMINASI KARATE

Politeknik Malaysia dan UTAR dominasi karate

Izzali Ismail
sukan@hmetro.com



POLITEKNIK Malaysia menjuarai acara sukan kumite 60kg lelaki. FOTO SUKIPT 2024

Sintok : Politeknik Malaysia dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) mendominasi acara karate dan taekwondo di hari pertama temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) yang berlangsung Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.

Acara karate berlangsung di Dewan Muadzam Shah Universiti Utara Malaysia, manakala tekwondo di Dewan Harum Manis Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis.

Melalui 13 pingat emas yang ditawarkan dalam dua acara berkenaan, Politeknik Malaysia dilihat mendahului kutipan pingat dengan tiga emas.

Dua emas dikutip melalui acara karate bagi kategori kumite 60 kilogram (kg) dan 55kg lelaki manakala emas melalui acara taekwondo, poomsae individu lelaki.

Baki pingat emas di hari pertama semalam diraih Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi karate kategori kata berpasukan wanita.

Manakala Management & Science University (MSU) turut menyambar satu emas dalam acara kata individu wanita dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi acara kumite wanita 55kg.

Sebanyak 13 lagi pingat bakal direbut di hari kedua kejohanan membabitkan tujuh pingat emas untuk karate dan lima pingat emas untuk taekwondo.

Disiarkan pada: September 7, 2024 @ 12:51pm

METRO

7 SEPTEMBER 2024

MY METRO | LEBIH 500,000 PESERTA TERIMA MANFAAT PROGRAM EUSAHAWAN

Lebih 500,000 peserta terima manfaat Program eUsahawan

BERNAMA



SYED Ibrahim (kiri) bersama Wilson (dua, kiri) pada Program Jelajah Saya Digital @Kuching. FOTO Bernama

Kuching: Sebanyak 564,629 peserta terdiri daripada golongan usahawan dan pelajar di seluruh negara mendapat manfaat daripada Program eUsahawan dengan menjana jualan terkumpul melebihi RM1.26 bilion sejak ia diperkenalkan pada 2015.

Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Syed Ibrahim Syed Noh berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 34,104 usahawan di Sarawak mengambil peluang program berkenaan dengan menjana jualan terkumpul melebihi RM51.63 juta.

"Peserta meliputi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan usahawan tempatan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Jelajah Saya Digital (JSD) @ Kuching di sini, hari ini.

Inisiatif eUsahawan ialah program latihan pembelajaran luaran dan dalam talian untuk melatih peserta dalam keusahawanan digital untuk menjana pendapatan, mempromosi produk serta meningkatkan jualan.

Sementara itu, program JSD yang berlangsung selama dua hari hingga esok itu dirasmikan Timbalan Menteri Digital Datuk Wilson Ugak Kumbong.

Dalam sidang media selepas majlis perasmian, Ugak berkata inisiatif JSD yang memasuki edisi ke-17 tahun ini wajar diperluas ke kawasan pedalaman dan luar bandar negeri bagi memastikan komuniti usahawan khususnya warga emas celik digital sekali gus melonjakkan pendapatan mereka.

"Saya minta MDEC teruskan JSD supaya rakyat seperti di Bintulu, Miri, Kapit dan Belaga dapat menikmati dan faham (digital) dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak (SDEC)," katanya.

JSD merupakan kesinambungan daripada Kempen Saya Digital yang diperkenalkan pada 2020 bertujuan membantu meningkatkan kemahiran digital rakyat Malaysia dalam mendepani ekonomi digital.

Ia menumpukan kepada empat teras utama iaitu "Saya Digital Literasi", "Saya Digital Bisnes", "Saya Digital Freelance", dan "Saya Digital Kerjaya."

Disiarkan pada: September 7, 2024 @ 6:40pm

BERITA HARIAN

7 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | POLITEKNIK MALAYSIA, UTAR DOMINASI KARATE, TAEKWONDO

Politeknik Malaysia, UTAR dominasi karate, taekwondo

Oleh Izzali Ismail - September 7, 2024 @ 5:06pm
bhsukan@bh.com.my



Politeknik Malaysia memenangi Karate - kumite 60kg Lelaki. Foto: SUKIPT2024

SINTOK: Politeknik Malaysia dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) mendominasi acara karate dan taekwondo pada hari pertama temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) yang berlangsung Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.

Daripada 13 pingat emas ditawarkan dalam dua sukan berkenaan, Politeknik Malaysia dan UTAR masing-masing mendahului dengan mengutip tiga emas.

Tiga emas Politeknik Malaysia dikutip dalam acara karate membabitkan kumite lelaki 60 kilogram (kg) dan 55kg selain taekwondo, acara poomsae individu lelaki.

UTAR turut meraih tiga emas dengan dua daripadanya diperolehi dalam sukan karate membabitkan Kata Individu (lelaki) dan Kata Berpasukan (lelaki) selain poomsae berpasukan wanita (taekwondo).

Baki pingat emas pada hari pertama semalam menyaksikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) meraih emas dalam acara Kata berpasukan (wanita) serta poomsae berpasukan lelaki.

Dua emas masing-masing diraih Management & Science University (MSU) serta Sunway University manakala Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menang acara kumite 55kg wanita.

Sebanyak 13 lagi pingat bakal direbut di hari kedua kejohanan masing-masing membabitkan tujuh emas untuk karate dan lima taekwondo.

Acara lain dipertandingkan semalam membabitkan sukan petanque yang menawarkan empat emas dan dua emas dalam acara berbasikal bukit.

Politeknik Malaysia mendahului selepas hari pertama dengan tiga emas dan dua perak diikuti UTAR dengan tiga emas dan satu gangsa serta Sunway University dengan dua emas dan satu perak.

BERITA HARIAN

7 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | ZAMBRY KE SWITZERLAND BAGI PERKASA TVET NEGARA

Zambry ke Switzerland bagi perkasa TVET negara

Oleh BERNAMA - September 7, 2024 @ 6:14pm



Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir (tiga kiri) dan delegasi mengadakan pertemuan dengan Profesor Dr Virginia Richter (duduk jaket putih), Rektor University of Bern, Switzerland, semalam. - Foto ihsan FB Zambry Abd Kadir.

PUTRAJAYA: Lawatan kerja Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir ke Switzerland selama empat hari bermula semalam akan mengukuhkan kerjasama antara dua negara serta mengantarabangsakan pendidikan tinggi negara.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan hari ini memaklumkan lawatan atas jemputan Institut Perdagangan Dunia (WTI) itu turut membuka peluang kepada Malaysia memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menurut KPT, Zambry juga akan menjadi panel Forum Perdagangan Antarabangsa dan menyampaikan ucapan pada persidangan meja bulat bertajuk 'Peranan Pendidikan Tinggi ASEAN dalam Menyokong Komuniti Ekonomi ASEAN' di Ibu Pejabat Forum Ekonomi Dunia, Isnin ini.

KPT turut memaklumkan, Zambry telah mengadakan pertemuan dua hala dengan Setiausaha Negara bagi Pendidikan, Penyelidikan dan Inovasi (SERI) Bahagian Hubungan Ekonomi, Pendidikan dan Penyelidikan Switzerland, Prof Dr Martina Hirayama.

"Pelbagai perkara telah dibincangkan termasuk menghubungkan inisiatif program pertukaran pelajar, pensyarah dan penyelidik antara kedua-dua negara, yang berpotensi memberi lebih peluang kerjasama luas merentasi rantau ASEAN melalui Malaysia dan benua Eropah melalui Switzerland," menurut kenyataan itu.

KPT memberitahu Switzerland adalah antara negara yang aktif dalam memperkasakan pendidikan TVET bermula dari peringkat pengajian vokasional.

"Hal ini juga selari dengan Dasar TVET negara yang sedang dilaksanakan dan sangat baik untuk kedua-dua negara saling berkongsi dan bertukar pandangan berkenaan TVET," menurut kenyataan itu.

Menurut KPT, Zambry dan delegasi juga akan mengadakan lawatan serta bertemu dengan Rektor University of Bern, Prof Dr Virginia Richter dan melawat ARTORG Centre for Biomedical Engineering di universiti berkenaan yang melakukan kajian khusus dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dunia bioperubatan.

Zambry turut dijadual melawat École Polytechnique Fédérale de Lausanne (EPFL) yang terkenal dengan bidang penyelidikan serta memiliki lebih 500 makmal di seluruh kampus.

- BERNAMA

METRO

8 SEPTEMBER 2024

MY METRO | EMAS PETANQUE DOUBLE WANITA MILIK POLITEKNIK MALAYSIA

Emas petanque double wanita milik Politeknik Malaysia

Izzali Ismail
sukan@hmetro.com



VIVIANAH dan Nisrina raih emas dalam acara double wanita. -FOTO Izzali Ismail

Sintok : Komitmen tinggi yang dipamerkan Siti Nur Vivianah Chia dan Nisrina Saffiah Mohd Razip membolehkan mereka merangkul emas double wanita acara petanque buat kontinjen Politeknik Malaysia di hari kedua Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.

Mereka berjaya mengatasi Kolej Polytech Mara, Nur Eliyana Mohd Khudri-Putri Nurafni Umairah Khairul Anuar dan Nur Atikah Nabila Mokhtar-Seri Amisya Mohd Hashlindarinshah masing-masing untuk perak dan gangsa di Gelanggang Petanque UUM semalam.

Menurut Vivianah, dia bersyukur sasaran emas yang diidamkan bersama pasangannya Nisrina berjaya direalisasikan.

"Memang kami sasarkan emas. Masing-masing ada kelebihan dan bertindak menjaga posisi yang ditetapkan. Saya bertindak sebagai pointer dan Nisrina shooter.

"Ini kali pertama kami bergandingan, namun kami sudah lama mengenai antara satu sama lain jadi tiada masalah untuk bergandingan," katanya.

Sementara itu, atlet Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Muhamad Asyraf Wajdi Kamarozaman berjaya meraih emas dalam acara individu lelaki.

Ia cukup bermakna buat atlet itu apabila berjaya menurunkan warna pingat perak yang diraih pada edisi sebelum ini dengan kaliau emas pada edisi ke-6 kali ini.

Pingat perak dalam acara itu dimenangi Haris Jonaidey dari UiTM dan Muhammad Aiman Akmal dari Universiti Sains Islam Malaysia, gangsa.

Disiarkan pada: September 8, 2024 @ 12:36pm

METRO

8 SEPTEMBER 2024

MY METRO | 'PENSYARAH DARI SYURGA' TERIMA PENGHARGAAN KESUMA, LIM DIJADIKAN ANAK ANGKAT

'Pensyarah dari syurga' terima penghargaan Kesuma, Lim dijadikan anak angkat

BERNAMA



STEVEN Sim (tengah) ketika bertemu Mohd Zaidil dan Lim Zi Yang. FOTO Ihsan FB Steven Sim.

Georgetown: Mohd Zaidil Adha Mat Hussin, pensyarah Politeknik Balik Pulau yang menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia kerana membantu seorang [penuntut baharu berbangsa Cina](#) sehingga tular menerusi media sosial Julai lalu, menerima penghargaan daripada Kementerian Sumber Manusia (Kesuma).

Penghargaan itu berupa wang ganjaran RM1,000 dan sijil yang disampaikan sendiri oleh Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong dalam satu pertemuan khas bersama Mohd Zaidil Adha dan penuntut berkenaan Lim Zi Yang di sebuah restoran di sini.

Menerusi catatan yang didedikasikan khas buat pensyarah terbabit, Sim yang turut memuat naik gambar pertemuan itu di laman Facebook rasminya memberitahu pihaknya memutuskan untuk memberikan penghargaan itu selepas tersentuh dengan usaha murni ditunjukkan Mohd Zaidil Adha yang berkhidmat menjangkau tugas hakiki dengan membantu penuntut dalam kesusahan.

Sim berkata pihaknya juga menyumbangkan RM3,000 kepada Lim, malah lebih manis penuntut berkenaan turut dijadikan anak angkatnya dan akan diberikan elaun RM200 setiap bulan sehingga tamat belajar di politeknik.

Dalam catatan berkenaan, Ahli Parlimen Bukit Mertajam itu yang menggambarkan Mohd Zaidil Adha umpama "pensyarah dari syurga" bersyukur kerana masih ada orang yang baik seperti beliau.

"Kisah Zaidil dan Lim menzahirkan nilai-nilai Malaysia Madani. Tanpa mengenal bangsa dan agama, kita sama-sama membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni untuk semua, selama-lamanya," menurut catatan itu.

Mengimbau kembali kisah dua insan terbabit, Sim berkata Lim yang berasal dari Johor datang seorang diri ke Pulau Pinang menaiki bas kerana bapanya hanya mampu membeli satu tiket disebabkan kekangan kewangan kerana bukan berasal daripada keluarga berada.

Ia juga kali pertama Lim keluar dari kampung halamannya di Batu Pahat dan Mohd Zaidil Adha yang banyak membantu memberikan panduan untuk sampai ke politeknik, tetapi malangnya mungkin kerana terlalu gementar Lim tersalah mengambil beg dan hanya sedar ketika tiba di asrama.

Mohd Zaidil Adha bersama Lim kemudian berpatah balik ke Terminal Bas Penang Sentral di Butterworth memandangkan beg terbabit hanya boleh diambil di situ.

Kisah mereka turut tular dalam media sosial dan mendapat pujian rata-rata rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Disiarkan pada: September 8, 2024 @ 9:24pm

METRO

8 SEPTEMBER 2024

MY METRO | PERASMIAN SUKIPT 2024 BERLANGSUNG MERIAH

Perasmian Sukipt 2024 berlangsung meriah

Izzali Ismail
sukan@hmetro.com



PERARAKAN masuk peserta kejohanan pada perasmian Sukan Institusi Pendidikan tinggi 2024 (Sukipt) di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok di sini malam tadi. - FOTO Bernama

Sintok: Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt 2024) edisi ke-6 dirasmikan dengan penuh meriah di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) malam tadi.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud dan turut dihadiri Naib Canselor UUM Datuk Dr Mohd Foad Sakdan di hadapan lebih 6,058 atlet terdiri daripada 73 kontinjen yang bertanding.

Mustapha berkata, usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam penganjuran Sukipt ini memperlihatkan sebagai salah satu ejen yang membantu dalam mempertingkatkan lagi pembangunan sukan di negara ini.

"Sukipt adalah medan kepada pencarian serta untuk persediaan atlet pelapis di peringkat IPT untuk bersaing di temasya sukan lebih berprestij seperti Sukan Universiti Asean (AUG) dan Sukan Universiti Dunia (Universiade).

"Saya yakin bahawa kesemua 74 kontinjen yang bertanding dan keterlibatan kira-kira 1,500 orang pegawai, akan menjanjikan semangat kesukanan yang tinggi," katanya.

Mustapha berkata pihaknya yakin dengan sambutan penyertaan yang diterima kali ini akan meningkatkan lagi usaha atlet untuk memecahkan rekod kejohanan.

"Sebanyak 46 rekod kejohanan yang pada lalu. Jadi, saya ingin mencabar para atlet yang bertanding kali ini untuk memecah rekod kebangsaan, tanpa mengira apa jenis acara pun.

"Mereka yang berjaya kita (KPT) akan beri wang tunai berjumlah RM20,000," katanya.

Disiarkan pada: September 8, 2024 @ 12:44pm

BERITA HARIAN

8 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | SUKIPT 2024 DISINGKAP MERIAH

SUKIPT 2024 disingkap meriah

Oleh Izzali Ismail - September 8, 2024 @ 12:27pm
bhsukan@bh.com.my



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud (lima, kanan) bergambar bersama peserta selepas merasmikan Sukan Institusi Pendidikan tinggi 2024 (SUKIPT) di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok di sini malam tadi. - BERNAMA

SINTOK: Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini disingkap meriah malam tadi.

Majlis perasmian temasya sukan dwitahunan ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud dan turut dihadiri Naib Canselor UUM Datuk Dr Mohd Foad Sakdan.

SUKIPT yang bermula Jumaat lalu hingga Sabtu ini menampilkan 73 kontinjen dengan 6,058 atlet akan bertanding dalam 28 acara sukan di 23 gelanggang pertandingan bagi merebut 231 pingat emas.

Penyertaan kontinjen IPT terdiri daripada 20 universiti awam, 46 universiti swasta, satu politeknik, satu kolej komuniti dan lima institut pendidikan guru (IPG).

Mustapha berkata, usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menganjurkan SUKIPT membuktikan sokongan pihaknya dalam mempertingkatkan lagi pembangunan serta mutu sukan di negara ini.

"SUKIPT merupakan medan kepada pencarian serta untuk persediaan atlet pelapis di peringkat IPT untuk bersaing di temasya sukan yang lebih besar dan berprestij seperti Sukan Universiti Asean (AUG) dan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE).

"Saya yakin bahawa kesemua 74 kontinjen yang bertanding dan keterlibatan kira-kira 1,500 orang pegawai, akan menjanjikan semangat kesukanan yang tinggi," katanya dalam ucapan perasmianya.

Mustapha berkata pihaknya berharap lebih banyak rekod kejohanan dapat dileburkan pada temasya kali ini.

Sebanyak 46 rekod kejohanan dipecahkan pada SUKIPT 2022. Jadi, saya ingin mencabar atlet yang bertanding untuk mengatasi jumlah itu termasuk memecahkan rekod kebangsaan," katanya.

BERITA HARIAN

8 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | VIVIANAH-NISRINA JULANG POLITEKNIK MALAYSIA

Vivianah-Nisrina julang Politeknik Malaysia

Oleh Izzali Ismail - September 8, 2024 @ 2:27pm
bhsukan@bh.com.my



Atlet petanque Siti Nur Vivianah Chia dan Nisrina Saffiah Mohd Razip (kanan) mengutip emas pada hari kedua SUKIPT 2024 di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah semalam. - NSTP/ IZZALI ISMAIL

SINTOK: Komitmen tinggi yang dipamerkan Siti Nur Vivianah Chia dan Nisrina Saffiah Mohd Razip membolehkan mereka merangkul emas double wanita acara petanque buat kontinjen Politeknik Malaysia di hari kedua Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini.

Mereka berjaya mengatasi gandingan Kolej Polytech Mara, Nur Eliyana Mohd Khudri-Putri Nurafni Umairah Khairul Anuar dan Nur Atikah Nabila Mokhtar-Seri Amisya Mohd Hashlindarinshah yang meraih perak dan gangsa di Gelanggang Petanque UUM semalam.

Menurut Vivianah, dia bersyukur sasaran emas yang diidamkan bersama Nisrina berjaya direalisasikan.

"Memang kami sasarkan emas. Masing-masing ada kelebihan dan bertindak menjaga posisi yang ditetapkan. Saya bertindak sebagai pointer dan Nisrina shooter.

"Ini kali pertama kami bergandingan, namun kami sudah lama mengenai antara satu sama lain jadi tiada masalah untuk bergandingan," katanya.

Sementara itu, atlet Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Muhamad Asyraf Wajdi Kamarozaman berjaya meraih emas dalam acara individu lelaki.

Ia cukup bermakna buat atlet itu apabila berjaya menukar warna pingat perak yang diraih pada edisi sebelum ini dengan kilauan emas.

Pingat perak dalam acara itu dimenangi Haris Jonaidey dari UiTM dan Muhammad Aiman Akmal dari Universiti Sains Islam Malaysia, gangsa.

METRO

9 SEPTEMBER 2024

MY METRO | POLITEKNIK MALAYSIA LAKAR SEJARAH MENANG EMAS REGU SEPAK TAKRAW

Politeknik Malaysia lakar sejarah menang emas regu sepak takraw

Izzali Ismail
sukan@hmetro.com



PASUKAN sepak takraw Politeknik Malaysia ceria merangkul emas pada acara regu saingan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024. FOTO IZZALI ISMAIL

Sintok: Pasukan sepak takraw Politeknik Malaysia merangkul pingat emas buat kali pertama dalam acara regu dengan menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada acara akhir Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024, hari ini.

Pemain Politeknik B yang terdiri daripada Syafiq Mustakim Md Saad, Muhammad Iman Hakimi dan Muhammad Syahir Izzran menewaskan pemain UPM B yang diwakili Najmi Syafiq Anuar, Kahirul Hafifi Tajudin dan Muhammad Haikal Huzaimi dengan keputusan 15-13, 15-13.

Menurut pengurus pasukan Politeknik Malaysia Mohd Tajudin Ahmad, beliau bersyukur dengan pencapaian pasukannya yang berjaya melakar emas sulung dalam acara sepak takraw sejak kejohanan SUKIPT pada 2012.

"Walaupun terpaksa berdepan dengan tentangan yang sengit daripada semua pasukan dalam acara sepak takraw ini, saya bersyukur kami dapat menggenggam dan membawa pulang emas buat kali pertama dalam kejohanan SUKIPT ini.

"Pencapaian emas ini umpama magis buat pasukan Politeknik Malaysia yang sebelum ini belum pernah merasai pingat emas, dan saya berbangga dengan semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan semua pemain pada hari ini," katanya.

Disiarkan pada: September 9, 2024 @ 7:25pm

BERITA HARIAN

9 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | KOLEJ VOKASIONAL KHUSUS BANGUN KEPAKARAN TEMPATAN DALAM EV BAKAL DIBUKA MENJELANG 2027

Kolej Vokasional khusus bangun kepakaran tempatan dalam EV bakal dibuka menjelang 2027 - Fadhlina

Oleh Mohamad Fahd Rahmat - September 9, 2024 @ 1:16pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek di Hari Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Sekolah Peringkat Kebangsaan KPM di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perdana, di Kluang Johor. Foto NSTP/Mohamad Fahd Rahmat

KLUANG: Kerajaan akan membuka sebuah kolej vokasional (KV) yang memberi tumpuan khusus membangunkan kepakaran tempatan dalam industri kenderaan elektrik (EV) menjelang 2027.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata ia selaras hala tuju yang ditetapkan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Insya-Allah akan melahirkan kepakaran untuk pasaran domestik dan industri dalam negara," katanya pada sidang media selepas Hari TVET Sekolah Peringkat Kebangsaan KPM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Perdana, di sini hari ini.

Mengenai Hari TVET berkenaan, beliau berharap ia dapat meningkatkan lagi penyertaan dan peranan serta sumbangan lulusan TVET kepada industri negara.

"Insya-Allah saya doakan program ini, khususnya dengan penglibatan penuh anak-anak kita dalam program TVET, akan melahirkan kepakaran untuk pasaran industri dalam negara," katanya.

Bagi program tahun depan, beliau yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal, berkata sebanyak 10,000 sekolah di seluruh negara akan meraikan sambutan Hari TVET Sekolah Peringkat Kebangsaan KPM, pada 2 Jun 2025.

"Hari ini kita luncurkan, tahun hadapan seluruh sekolah di Malaysia tidak berkecuali, yang ada TVET atau tiada TVET, semua akan meraikan Hari TVET ini," katanya.

Katanya, program berkenaan bertujuan memberikan pendedahan awal kepada murid mengenai kepentingan dan peluang yang ditawarkan TVET.

Sambutan itu diadakan bukan sahaja untuk meningkatkan kesedaran, tetapi juga untuk menyediakan laluan kerjaya yang jelas bagi pelajar bidang TVET, yang semakin relevan dengan keperluan industri masa kini dan masa hadapan.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuk aktiviti interaktif seperti pameran, bengkel 'hands-on', demonstrasi kemahiran, dan pameran teknologi di mana murid berpeluang merasai pengalaman serta kepuasan dalam mempelajari kemahiran baru.

METRO

11 SEPTEMBER 2024

MY METRO | MALAYSIA SASAR HASILKAN UAV TEMPATAN

Malaysia sasar hasilkan UAV tempatan

BERNAMA



AHMAD Zahid (empat, kiri), dan Asyraf Wajdi (kiri) pada pemeteraian MoU antara Mara Aerospace & Technologies Sdn Bhd yang diwakili oleh Zulkarnain (tiga dari kiri), dan Honeycomb Aerospace Technologies (Beijing) yang diwakili oleh Pengurus Besarnya, Cheng Ying Jie (tiga kanan) di Shanghai, China. FOTO Bernama

Shanghai: Malaysia terus mengukuhkan usaha dalam penerokaan teknologi pesawat tanpa pemandu (UAV) melalui kerjasama dengan China, termasuk pertukaran dan perkongsian kepakaran serta teknologi dalam bidang tersebut.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerjasama antara MARA Aerospace & Technologies Sdn Bhd dan Honeycomb Aerospace Technologies (Beijing) Co Ltd, syarikat ketiga terbesar dalam teknologi pesawat tanpa pemandu (UAV) di China, akan membolehkan Malaysia menghasilkan teknologi itu.

Beliau berkata, teknologi itu banyak digunakan dalam bidang pertanian dan kawasan sempadan, justeru, langkah kerjasama itu membolehkan Malaysia menghasilkan teknologi UAV bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Sebagai permulaan, syarikat ini akan memindahkan teknologi ini kepada University Kuala Lumpur Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT) di Sepang untuk melatih pelajar dalam pembuatan UAV selain akan mulakan pemasangan pertama UAV pada bulan depan dengan sasaran penghasilan awal sebanyak 3,000 unit setahun.

"Pada tahun hadapan, syarikat ini akan melabur RM100 juta untuk membuka premis kekal bagi melatih pelajar dalam bidang TVET," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) berkenaan di bandar itu di sini, hari ini.

Ahmad Zahid berkata, dalam bidang pertanian, penggunaan teknologi tersebut akan dimulakan di kawasan penanaman padi FELCRA untuk proses pembajaan, peracunan, dan lain-lain.

Terdahulu, beliau menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara MARA Aerospace & Technologies Sdn Bhd dan Honeycomb Aerospace Technologies (Beijing) Co Ltd sebagai usaha untuk meneroka perniagaan dalam bidang pemasangan, pembuatan dan pembekalan produk UAV bagi pasaran serantau.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MARA Corporation Zulkarnain Taman, dan Pengurus Besar Honeycomb Aerospace Liu Tiejun.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Presiden MCA Datuk Seri Wee Ka Siong, merangkap penasihat khas kepada Ahmad Zahid bagi lawatan kerja ke China.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, radius operasi UAV yang bakal dihasilkan itu adalah kira-kira 300km.

"Kerjasama ini memanfaatkan prestasi syarikat tersebut yang merupakan antara pengeluar UAV terbesar di China dengan keupayaan menghasilkan lebih 300,000 unit setahun.

"UAV ini sudah ada permintaannya, sebab itu mereka berani untuk melabur, malah mereka turut mengenal pasti bidang lain yang akan kemukakan selepas kejayaan yang akan dibina.

"Yang penting adalah keikhlasan mereka memilih MARACorporation Sdn Bhd sebagai rakan kongsi sebagai satu daripada syarikat pengeluar UAV terbesar di China. Mereka sanggup jalinkan perkongisan jangka panjang dan ini akan memberikan manfaat kepada pelajar UNIKL, khususnya di MIAT, Sepang," katanya.

Disiarkan pada: September 11, 2024 @ 2:36pm

METRO

12 SEPTEMBER 2024

MY METRO | POLITEKNIK MALAYSIA JUARA E-SUKAN SUKIPT 2024

Politeknik Malaysia juara e-sukan SUKIPT 2024

Izzali Ismail
sukan@hmetro.com.my



POLITEKNIK Malaysia diumumkan juara acara PUBG Mobile pada kejohanan SUKIPT 2024 di Dewan Tan Sri Othman, UUM semalam. FOTO IZZALI ISMAIL.

Sintok: Acara sukan elektronik atau e-sukan yang pertama kali diperkenalkan dalam temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 memberi ganjaran terbaik buat Politeknik Malaysia yang menjuarai acara berkenaan di Dewan Tan Sri Othman, UUM petang semalam.

Gandingan pelajar dari Politeknik Malaysia yang terdiri daripada Aiman Hakimi Khairul Nizam, Aiman Ha-keem Khairul Nizam, Muhammad Zalmi Hakim Azhar, Amirul Aiman Mazalan dan Muhammad Amirul Syafiq Azizi berjaya merangkul pingat emas acara PUBG Mobile.

Pingat perak pula menjadi milik German-Malaysian Institue (GMI), dan diikuti pingat gangsa yang menjadi milik tuan rumah Universiti Utara Malaysia (UUM).

Politeknik Malaysia cemerlang dengan mengumpul 79 mata keseluruhan diikuti GMI dengan 57 mata, dan UUM (53).

Menurut Pengurus Pasukan Politeknik Malaysia, Amirul Zaharin Yusoff, beliau bersyukur akhirnya pasukan Politeknik berjaya merangkul emas untuk acara PUBG Mobile yang pertama kali diperkenalkan pada SUKIPT 2024 kali ini.

"Kemenangan ini didorong dengan latihan berterusan dan taktikal yang kami aturkan dan hasil pembabit-an atlet dalam Politeknik e-sport challenge dan ada yang terbabit dengan kejohanan di Sukma Sarawak yang mewakili pasukan masing-masing seperti dua atlet dari Kedah, Pahang dan seorang dari Perak, serta pemain yang berpengalaman.

"Kemenangan ini juga bukan mudah dan ia juga satu hasil yang tidak dijangka kerana pada awalnya kami cuma meletakkan sasaran pingat gangsa namun atas kelebihan pengalaman yang dimiliki setiap pemain kami, saya rasa ini adalah faktor kami dapat mencapai kejayaan."

Bagi Pengurus Pasukan GMI Muhammad Hafiz Ahmad Nazri, pencapaian pingat perak yang diraih pasukannya dianggap amat memberangsangkan kerana pertama kali menyertai acara ini.

"Walaupun kami di tempat kedua dengan pingat perak, namun alhamdulillah, pencapaian ini amat bermakna dan cukup besar ertinya buat kami. Kami cuba masuk dan cuba jayakan melalui acara e-sukan ini dan saya juga berharap pasukan GMI juga akan meningkatkan juga keupayaan untuk pasukan wanita kami dimasa akan datang.

"Ini kerana jika kita lihat pasukan-pasukan lain, mereka ada campuran kejayaan untuk lelaki dan juga wanita dan saya juga berharap dengan perkembangan yang kami lalui ini dapat 'menjantik' semangat pelajar baharu lain untuk menyertai acara e-sport ini," katanya.

Disiarkan pada: September 12, 2024 @ 3:55pm

BERITA HARIAN

12 SEPTEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | POLITEKNIK MALAYSIA JUARA PUBG MOBILE SUKIPT 2024

Politeknik Malaysia juara PUBG Mobile SUKIPT 2024

Oleh Izzali Ismail - September 12, 2024 @ 5:02pm

bhsukan@bh.com.my



Pemain pasukan Politeknik Malaysia yang menjuarai acara PUBG Mobile pada SUKIPT 2024 semalam. – Foto NSTP/Izzali Ismail

SINTOK: Politeknik Malaysia muncul juara sulung acara e-sukan yang diperkenalkan buat kali pertama pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 di Dewan Tan Sri Othman, UUM petang semalam.

Gandingan Aiman Hakimi Khairul Nizam, Aiman Hakeem Khairul Nizam, Muhammad Zalmi Hakim Azhar, Amirul Aiman Mazalan dan Muhammad Amirul Syafiq Azizi berjaya merangkul pingat emas acara PUBG Mobile.

Pingat perak pula menjadi milik German-Malaysian Institute (GMI) manakala gangsa diraih pasukan tuan rumah Universiti Utara Malaysia (UUM).

Politeknik Malaysia cemerlang dengan mengumpul 79 mata keseluruhan diikuti GMI dengan 57 mata dan UUM 53.

Pengurus pasukan Politeknik Malaysia, Amirul Zaharin Yusoff berkata, beliau bersyukur akhirnya pasukan itu berjaya merangkul emas bagi acara PUBG Mobile yang kali pertama diperkenalkan pada SUKIPT kali ini.

"Kemenangan ini didorong dengan latihan berterusan dan taktikal yang kami aturkan selain pembabitan atlet dalam Politeknik e-sport challenge dan ada yang bertanding pada temasya SUKMA Sarawak baru-baru ini."

BERITA HARIAN

12 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | POLITEKNIK MALAYSIA JUARA PUBG MOBILE SUKIPT 2024

Umar cipta rekod temasya SUKIPT 2024

September 12, 2024 @ 9:04pm



Umar Osman (kanan) ketika bertanding pada temasya Sukan SEA Kemboja tahun lalu. – Foto fail AFP

ALOR SETAR: Atlet kebangsaan Umar Osman memperbaharui rekod temasya berusia 12 tahun acara 400 meter lelaki untuk meraih pingat emas Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, semalam.

Pelari berusia 21 tahun mewakili Politeknik Sultan Ibrahim (PSI) itu menamatkan saingan dengan catatan 46.49 saat, memadam catatan terdahulu 47.54s dilakukan S Kannathasan pada edisi 2012.

Umar adalah pemegang rekod kebangsaan 46.34s dilakukannya pada Sukan SEA Kemboja tahun lalu.

Pelari kelahiran Johor itu antara dalam radar kontinjen negara ke Sukan SEA Thailand tahun depan.

Penyertaan kontinjen IPT pada SUKIPT 2024 membabitkan 46 universiti swasta, 20 universiti awam, lima Institut Pendidikan Guru (IPG), satu politeknik dan satu kolej komuniti. – BERNAMA

METRO

13 SEPTEMBER 2024

MY METRO | KONGSI HASIL PENYELIDIKAN DEMI MANFAAT BERSAMA

Kongsi hasil penyelidikan demi manfaat bersama

Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my



HAFIZI Rosli (berdiri tengah) ketika Program Kembara Penyelidikan Marin KPT di Pulau Bidong. FOTO ihsan KPT

Kuala Nerus: Sebarang hasil penyelidikan yang dilakukan institut pengajian tinggi awam (IPTA) perlu diuar-uarkan supaya ia dapat dikongsi seterusnya meningkatkan kesedaran orang ramai.

Justeru, Ketua Komunikasi Korporat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Mohamad Hafizi Rosli menyarankan IPTA berkongsi hasil penyelidikan dalam bidang masing-masing untuk dimanfaatkan masyarakat dan komuniti setempat.

Beliau berkata, terdapat banyak kajian dijalankan IPTA yang mampu memberi kesan positif kepada kelestarian dan pembangunan negara.

"Sebagai contoh, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menjadi pelopor dalam bidang marin dan alam sekitar yang menjadi salah satu kajian penting dalam membangunkan potensi ekonomi baru di negara ini.

"Misi KPT bukan saja mahu memudahkan penyebaran ilmu tetapi juga bagaimana ilmu itu termasuk hasil kajian boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan komuniti setempat.

"Jadi amat penting untuk sebarang penyelidikan diuar-uarkan supaya ia dapat dikongsi sambil meningkatkan kesedaran orang ramai tentang sesuatu kajian.

"Mengambil contoh UMT yang aktif dalam kajian marin dan perkongsian hasil penyelidikan itu kepada masyarakat boleh membantu pemuliharaan ekosistem maritim," katanya ketika ditemui pada Program Kembara Penyelidikan Marin KPT di Pulau Bidong di sini.

Mohamad Hafizi berkata, UMT antara universiti awam yang membuka pintu bukan saja kepada warganya tetapi pihak luar yang berminat dengan bidang tujahan mereka.

Katanya, usaha UMT yang menggalakkan pelajar tempatan bergiat aktif di lapangan termasuk di stesen penyelidikan luar juga berjaya melahirkan graduan yang holistik.

Disiarkan pada: September 13, 2024 @ 2:25pm

BERITA HARIAN

14 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | KABINET SETUJU IKTIRAF SKM TAHAP 6, 7 DAN 8 SETARAF IJAZAH KELAS PERTAMA

Kabinet setuju iktiraf SKM tahap 6,7 dan 8 setaraf ijazah kelas pertama



Oleh Suzalina Halid - September 14, 2024 @ 10:03pm
suzalina@bh.com.my



Ahmad Zahid ketika berucap pada Majlis Himpunan 24,000 Huffaz di Masjid Wilayah Persekutuan. - Foto NSTP/Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Kerajaan pada dasarnya bersetuju mengiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap enam hingga lapan setaraf Ijazah Sarjana Muda kelas pertama.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata keputusan itu diluluskan secara dasarnya melalui mesyuarat Jemaah Menteri, minggu lalu.

"Alhamdulillah dengan izin dalam mesyuarat Jemaah Menteri minggu lalu pada dasarnya meluluskan bahawa SKM enam, tujuh dan lapan adalah setaraf dengan Ijazah (Sarjana Muda) kelas pertama

"Ini yang harus direbut oleh pelajar Tahfiz... kita juga akan usahakan huffaz tanpa SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) pun masuk ke universiti," katanya semasa berucap dalam Majlis Himpunan 24,000 Huffaz di Masjid Wilayah Persekutuan, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Pada majlis yang dianjurkan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA Kebangsaan), pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara itu, turut diadakan ialah bacaan al-Quran beramai-ramai, penganugerahan huffaz cemerlang dan ceramah perdana.

Pada masa sama, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pihaknya turut mensasarkan sebanyak 10,000 pelajar Maahad Tahfiz akan menyertai TVET menjelang 2027.

Beliau berkata, sasaran itu diyakini mampu dicapai sekiranya kerajaan menambah peruntukan dalam aspek itu pada masa akan datang.

Katanya, beliau melihat perkembangan positif apabila sebanyak 17 Maahad Tahfiz pada mulanya menyertai TVET, kini sudah ada 622 pelajar mengikuti kursus terbabit dalam tempoh kurang dari dua tahun.

"Melalui Belanjawan 2023, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan memperuntukkan RM1.4 bilion untuk agama Islam dan ia ditingkatkan kepada RM1.9 bilion pada tahun ini.

"Bulan hadapan (Belanjawan 2025) insya-Allah melalui ucapan Belanjawan, pada hemat saya lebih RM2 bilion untuk agama Islam," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 1,199 Maahad Tahfiz sudah berdaftar di bawah JAKIM yang membabitkan 125,000 pelajar.

Namun katanya, masih terdapat kira-kira 2,500 maahad tahfiz yang masih belum berdaftar kerana tidak mempunyai syarat mencukupi bagi proses pendaftaran.

"Bagi pihak pelajar maahad tahfiz ini, bantulah cari jalan untuk tambah peruntukan supaya dapat dipermudah institusi ini untuk didaftarkan," katanya.

BERITA HARIAN

15 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | SEBAHAGIAN PERUNTUKAN RM200 JUTA TVET DIAGIH UNTUK KOLEJ BAWAH MCA, MIC

Sebahagian peruntukan RM200 juta TVET diagih untuk kolej bawah MCA, MIC - Zahid

Oleh Norzamira Che Noh - September 15, 2024 @ 7:27pm
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid (tengah) ketika hadir pada Perhimpunan Agung MIC ke-78 di Pusat Konvensyen IDCC hari ini. - BERNAMA

SHAH ALAM: Kerajaan bersetuju memperuntukkan sebahagian daripada RM200 juta dalam Tabung Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara kepada institusi di bawah MIC dan MCA, tahun ini.

Bagaimanapun jumlah peruntukan kepada Kolej Tafe dan Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT) akan ditentukan kemudian menerusi perbincangan bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata dana berkenaan akan diberikan mengikut keperluan kursus yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi (IPT) berkenaan.

"Ia sebahagian daripada RM200 juta yang kita terima daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk Tabung Pembangunan TVET Negara.

"Dana itu akan dibahagikan mengikut kursus-kursus yang sedang atau akan dijalankan oleh Kolej Tafe dan TAR UMT.

"Saya sudah mengadakan perbincangan awal dengan Setiausaha Sekretariat TVET yang mengadakan rundingan dengan kedua-dua IPT berkenaan, tetapi perinciannya akan diberitahu kemudian. (Jumlah peruntukan) itu bergantung kepada keperluan," katanya ketika ditemui pemberita pada Perhimpunan Agung MIC Ke-78, di sini hari ini.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara dalam ucapan perasmiannya berikrar mengetepikan sentimen perkauman dalam pembangunan pendidikan kepada seluruh masyarakat terutama melibatkan TVET.

Katanya, pihaknya akan bekerjasama dengan Kolej Tafe melalui Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

"Untuk Kolej Tafe, mesyuarat Jemaah Menteri dua minggu lalu membuat keputusan pelajar yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 6, 7 dan 8 diiktiraf sama dengan ijazah pertama.

"Oleh demikian untuk Kolej Tafe, saya akan usahakan pelajar yang ada SKM Tahap 6, 7 dan 8 dapat ijazah daripada Kolej Tafe dan juga MTUN. Itu saya umumkan di Perhimpunan MIC hari ini kerana berlaku masalah keciciran paling banyak," katanya.


METRO

16 SEPTEMBER 2024

MY METRO | SERLAH SKIL TVET

Serlah skil TVET

Suliatl Asri
suliatl@hmetro.com.my



KEMAHIRAN dapat membantu generasi mudabersaing dengan lebih efektif dalam pasaran kerja. - Gambar hiasan

Memiliki kemahiran khusus bukan sahaja membuka pintu kepada pelbagai peluang kerjaya, tetapi juga meningkatkan potensi pendapatan.

Dengan memanfaatkan kemahiran yang dimiliki, generasi muda tidak hanya dapat bersaing dengan lebih efektif dalam pasaran kerja, tetapi juga mencapai kestabilan kewangan yang lebih baik.

Bagi juruteknik elektrik, Mohd Akmal Nizamudin, adalah penting bagi golongan muda untuk mempelajari sekurang-kurangnya satu kemahiran atau mengambil Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Ia penting supaya mereka dapat menikmati manfaat ini dan menonjol dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif," katanya.

Berasal dari Batu Pahat Johor, Mohd Akmal adalah almuni Institusi Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Alor Gajah, Melaka yang mengikuti program dalam bidang Diploma Teknologi Elektrik.

Bukan itu saja, Mohd Akmal juga adalah pemegang Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Voltan Rendah Kategori A4 dari IKTBN yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga iaitu badan selia yang dipertanggungjawabkan kerajaan dalam menyelia Tenaga di Malaysia iaitu Elektrik & Gas.

Berkongsi pembabitan awalnya dalam teknologi elektrik Mohd Akmal berkata, dia memilih bidang ini kerana minatnya yang mendalam sejak di bangku sekolah.

Menurutnya, minat itu juga lahir apabila ada beberapa orang dalam ahli keluarga menceburi bidang ini.

"Sebelum ini saya bercita-cita menjadi anggota polis sejak di bangku sekolah.

"Tapi, disebabkan saya nampak yang kerjaya dalam bidang elektrik ini meluas, saya memilih bidang ini sebagai kerjaya tetap.

"Peluang kerjaya yang begitu luas terutama sektor industri dalam Malaysia juga antara sebab saya memilih untuk berkhidmat dalam negara," katanya.

"Alhamdulillah apa yang saya belajar sepanjang di IKTBN membantu saya mengaplikasikan 100 peratus dalam kerjaya ini dengan baik serta dapat berkongsi ilmu dengan rakan sekerja," katanya.

Dalam usaha mencari ilmu, sebagai pelajar cabaran itu ibarat 'teman' yang menemani. Begitu juga buat Mohd Akmal.

"Antara cabaran yang saya lalui sepanjang belajar iaitu mendalami serta memahami apa itu sistem elektrik yang selamat untuk digunakan terutama kita sebagai pengguna.

"Dengan pemahaman itu, kita boleh jauhi bahaya elektrik yang boleh meragut nyawa jika tersilap langkah dalam mengendalikan sistem pemasangan elektrik," katanya.

Sehebat mana cabaran yang dihadapi, Mohd Akmal percaya, sentiasa berusaha tanpa berputus asa dan bersemangat dalam bidang yang diminati akan membuahkan hasil terbaik.

"Setiap dugaan atau kesukaran yang hadapi, anggap ia satu cabaran untuk berjaya dalam bidang yang kita minati," katanya.

Sepanjang pengajian, banyak pengalaman yang mempunyai memori terindah. Bagi Mohd Akmal, pengalaman yang tidak dapat dilupakan adalah dapat menimba ilmu dari seorang tenaga pengajar yang bukan saja berpengalaman, tapi mendidik pelajarinya tanpa kenal rasa jemu demi melihat manusia yang diajar serta dididik menjadi manusia yang berjaya.

Buat masyarakat terutama pihak yang merasakan bidang elektrik tidak mempunyai masa depan, kata Mohd Akmal, ia adalah tanggapan yang salah.

"Kini majoriti negara maju dalam dunia ini mempunyai ramai pekerja yang berkemahiran dalam pelbagai bidang TVET.

"Ada banyak peluang yang ditawarkan kepada pelajar lepasan TVET terutama dalam bidang elektrik dari pelbagai sektor terutama sektor industri dalam Malaysia.

"Namun, pelajar lepasan TVET perlu mempunyai kemahiran menyeluruh untuk mendapatkan kerja bagi meyakinkan pihak majikan mengambil khidmat pelajar lepasan TVET, terutama bidang elektrik," katanya.

Disiarkan pada: September 16, 2024 @ 7:01am

BERITA HARIAN

17 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | PEMAIN INDUSTRI DIGALAK GUNA KHIDMAT GRADUAN TVET DALAM BIDANG HALAL

Pemain industri digalak guna khidmat graduan TVET dalam bidang halal

Oleh Zanariah Abd Mutalib - September 17, 2024 @ 5:40pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merasmikan Pavilion KKW Gate to Global Malaysian Halal International Showcase (MIHAS) 2024 di MITEC. Foto NSTP/ AHMAD UKASYAH

KUALA LUMPUR: Pemain industri dalam bidang makanan dan minuman (F&B) digalakkan menggunakan khidmat graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang pensijilan halal bagi memastikan produk mereka memenuhi piawaian halal yang ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata banyak institusi pengajian tinggi (IPT) dan TVET yang mengikuti sukatan pelajaran disediakan JAKIM untuk mewujudkan jawatan penyelia, juruaudit dan jawatan lain berkaitan hal halal.

Ia susulan keperluan Bahagian Pengurusan Halal JAKIM untuk menambah pegawai dan kakitangan bagi pengeluaran sijil halal.

"Justeru, adalah sesuatu yang baik jika graduan TVET yang mengetahui selok belok pengeluaran sijil halal ini dapat digunakan dan dijadikan sumber dalaman atau luaran kepada mereka (industri) bagi mempercepat lagi pengeluaran sijil halal.

"Bagi permohonan sijil halal, pada awalnya tempoh yang diambil sembilan bulan tapi penyelarasan dilakukan, yang membolehkan sijil itu dikeluarkan dalam tempoh 23 hari dan kini, JAKIM lebih ke hadapan dalam meluluskan sijil halal dalam tempoh 15 hari bekerja, dengan syarat semua dokumen dan peraturan dipenuhi.

"Ini satu langkah baik yang dijalankan JAKIM dan untuk mempercepatkannya lagi, jika ahli profesional dan teknikal ini dapat digunakan, maka tentulah permohonan akan diperoleh lebih cepat daripada yang ditetapkan," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis Halal Malaysia berkata demikian kepada media selepas merasmikan Persidangan Perniagaan Halal Sedunia (WHBC) 2024 sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2024 di sini, hari ini.

Selain itu, Ahmad Zahid berkata, terdapat cadangan daripada beberapa negara untuk menempatkan semula kilang mereka di negara ini bagi memperoleh sijil halal dan produk yang dihasilkan kemudian dieksport ke luar negara.

Katanya, langkah negara itu kelak akan memberi lebih keuntungan kepada Malaysia, dalam menambah nilai eksport, peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi.

Ketika lawatannya ke China baru-baru ini, Ahmad Zahid memaklumkan, ada pihak yang menyuarakan untuk menggunakan logo halal JAKIM sebagai lambang pasaran di peringkat antarabangsa kerana ia diterima dan boleh dipercayai seluruh dunia.

"Justeru, Halal Development Corporation Bhd (HDC) bekerjasama dengan JAKIM dan MATRADE (Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia) untuk syarikat ini diberi kemudahan bagi melabur di sini dan mengambil pekerja tempatan menjadi ahli profesional serta teknikal dalam pengeluaran produk.

"Ini bermakna, mereka masih lagi bergantung kepada sijil halal JAKIM bagi pengeluaran produk untuk tujuan eksport," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Ahmad Zahid berkata, penyertaan Malaysia dalam perdagangan halal dengan pelbagai negara menggariskan kepentingan ekosistem dinamik, membabitkan bahan halal, pensijilan dan perjanjian perdagangan.

Beliau berkata, usaha untuk mewujudkan hubungan antarabangsa yang kukuh amat penting bagi memenuhi permintaan yang pelbagai dan memajukan matlamat bersama.

METRO

18 SEPTEMBER 2024

MY METRO | SASAR 1,500 GRADUAN TVET

Sasar 1,500 graduan TVET

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my



Kuala Lumpur: Eastern International Academy (EIA) menyasarkan kira-kira 1,500 graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dalam pelbagai sektor.

Pengasasnya, Datuk Wan Noor Akyilah Wan Shapuddin berkata, pihaknya optimis jumlah itu dapat dicapai menerusi memorandum perjanjian persefahaman (MoU) yang dilaksanakan bersama Kuala Lumpur Business & TVET Institute (KLTVET) dan Ombak International Academy (OIA).

Katanya, MoU itu menandakan permulaan usaha strategik untuk memperkasakan TVET di negara ini, sekali gus melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi memenuhi permintaan pasaran kerja tempatan dan antarabangsa.

"Kami komited untuk terus bersaing di persada pendidikan TVET dan memajukan bidang ini ke tahap lebih tinggi.

"Kami juga berharap MoU ini akan memperkukuh kedudukan industri pendidikan TVET di negara kita, setanding dengan pusat pendidikan vokasional antarabangsa," katanya di majlis menandatangani MoU di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah; Pengerusi KLTVET, Prof Madya Dr Mohamad Ridzuan Zamry dan Pengasas OIA, Datuk Zulkifli Mohd Sharif.

Wan Noor Akyilah berkata, EIA menekankan usaha peningkatan kemahiran dan latihan semula melalui program TVET.

"Kami menyediakan infrastruktur moden serta tenaga pengajar bertauliah bagi memastikan dasar TVET sehingga 2030 tercapai," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerjasama EIA dengan KLTVET dan universiti luar negara seperti Alzette University, juga membolehkan graduan dari peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) hingga diploma lanjutan TVET dapat melanjutkan pengajian ke tahap lebih tinggi.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, graduan TVET memainkan peranan penting dalam meningkatkan peluang pekerjaan di negara ini.

"Ini adalah dasar yang signifikan kerana melalui TVET, kita mampu membentuk sekumpulan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"Dengan tenaga mahir ini, kita dapat memenuhi keperluan pelbagai sektor, termasuk sektor perladangan," katanya.

Disiarkan pada: September 18, 2024 @ 9:08am

BERITA HARIAN

23 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | GAJI PREMIUM LEPASAN TVET DITETAPKAN SEHINGGA RM4,000

Gaji premium lepasan TVET ditetapkan sehingga RM4,000

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 23, 2024 @ 3:23pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap pada sesi libat urus antara 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta dengan 12 Kementerian TVET di Putrajaya, hari ini. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bersetuju menetapkan gaji premium kepada lepasan bidang itu pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata penetapan kadar gaji itu melebihi daripada pendapatan minimum RM1,500 yang ditetapkan kerajaan ketika ini.

Katanya, ketetapan dibuat itu adalah bagi menarik lebih ramai lepasan TVET untuk bekerja di sektor berkaitan.

"Setakat ini, kita sudah mengadakan memorandum perjanjian (MoA) dengan majikan yang mana gaji premium dipersetujui melebihi gaji minimum ditetapkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan MTVET dan Sesi Libat Urus 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Syarikat Swasta bersama 12 kementerian TVET di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata MTVET memutuskan supaya Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mengiktiraf lepasan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 6, 7 dan 8.

"Apa yang diputuskan bahawa mereka yang mempunyai (bermula) SKM tahap 5, boleh memohon untuk masuk ke universiti tanpa SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

"Ada lima universiti akan menerima mereka untuk masuk ke tahun pertama iaitu UniKL, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Malaysia Perlis," katanya.

Ahmad Zahid ia adalah permulaan di mana kursus TVET aras tinggi akan ditawarkan kepada pelajar yang memohon masuk ke universiti berkenaan.

"Begitu juga untuk pelajar yang menamatkan penghafazan 30 juzuk di maahad tahfiz, kita juga tawarkan untuk mereka masuk ke universiti.

"Selain sijil dikeluarkan oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) MTVET juga menawarkan mana-mana lepasan maahad tahfiz yang mengikuti SKM tahap 3,4 dan 5, jika mereka berminat nak masuk universiti, maka golongan huffaz juga ditawarkan masuk ke universiti," katanya.

BERITA HARIAN

23 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | KERAJAAN TUBUH AKADEMI KESELAMATAN SIBER MALAYSIA

Kerajaan tubuh Akademi Keselamatan Siber Malaysia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 23, 2024 @ 3:43pm

bhnews@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (kiri) mempengerusikan sesi libat urus antara 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta dengan 12 Kementerian TVET di Putrajaya, hari ini. - FotoNSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Akademi Keselamatan Siber Malaysia akan ditubuhkan bagi menampung keperluan kekosongan 26,000 tenaga kerja mahir dalam bidang berkenaan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) yang dipengerusikannya.

Katanya, akademi berkenaan akan menawarkan kursus berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) di bawah penyelarasan CyberSecurity Malaysia (CSM).

Menurutnya, pengambilan pelajar akademi itu akan dilaksanakan bagi kemasukan Januari 2025 selepas perbincangan bersama Kementerian Digital untuk menyegerakan penyediaan kursus berkaitan.

"Kursus hendaklah disegerakan kerana keperluannya amat mendesak dalam kalangan syarikat semikonduktor dan syarikat berasaskan elektronik.

"Jadi penubuhan akademi ini amat penting walaupun banyak universiti menawarkan kursus sama dari segi akreditasi tetapi akademi ini adalah sebuah badan yang menyelaraskan bentuk kursus diadakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan MTVET dan Sesi Libat Urus 66 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Syarikat Swasta bersama 12 kementerian TVET di sini, hari ini.

Ahmad Zahid berkata MTVET turut bersetuju memasukkan elemen TVET dalam Program latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diperkenalkan semula oleh kerajaan.

Katanya, elemen TVET akan diterapkan dalam modul PLKN sebagai satu pendekatan menyebar luas potensi dan kerjaya berteraskan bidang berkenaan kepada peserta.

"Kita mengambil keputusan bahawa kursus itu bukan dibuat secara mendalam tetapi lebih kepada 'DIY' seperti pembaikan paip, penghawa dingin dan peralatan elektrik, ini dipersetujui pada dasarnya dan akan diperincikan oleh sebuah jawatankuasa kecil.

"Institusi TVET yang memenuhi kriteria keperluan PLKN turut dicadang untuk melaksanakan modul PLKN dengan membabitkan pelajar institusi berkenaan sebagai peserta," katanya.

Selain itu, Ahmad Zahid berkata potensi bidang TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran turut disokong dengan pengenalan program Global Initiative for Future Talents (GIFT) oleh Khazanah Nasional Berhad.

"Melalui platform GIFT ini, program berstruktur membabitkan pemantapan kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, penyelesaian masalah, transformasi peribadi, peningkatan daya tahan, keyakinan dan pemikiran kritikal akan diterapkan kepada graduan TVET.

"Ini untuk membina profesionalisme dan seterusnya mampu memiliki daya saing yang tinggi dalam bidang pekerjaan yang diperlukan oleh pihak industri," katanya.

BERITA HARIAN

24 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | INSTITUSI TVET PERLU JAMIN KUALITI GRADUAN SEJAJAR PENETAPAN GAJI PREMIUM

Institusi TVET perlu jamin kualiti graduan sejajar penetapan gaji premium

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - September 24, 2024 @ 3:51pm
bhnews@bh.com.my



Setiasusaha Agung BELIA MAHIR, Mohammad Rizan Hassan. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Institusi latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) awam serta swasta perlu memastikan jaminan kualiti graduan sejajar dengan penetapan kadar gaji premium untuk golongan berkenaan.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR), Mohammad Rizan Hassan, berkata institusi terbabit harus memastikan graduan mereka dilengkapi dengan kemahiran diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi dalam pasaran yang kompetitif.

"Majikan sentiasa mencari calon terlatih yang boleh menyumbang secara berkesan kepada organisasi mereka. Graduan TVET boleh mendapat gaji premium kerana mereka memiliki kemahiran praktikal dan pengetahuan yang dituntut oleh industri.

"Langkah jaminan kualiti dalam institusi TVET ini termasuk pembangunan kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri, ahli fakulti yang berpengalaman, kemudahan latihan terkini dan perkongsian industri untuk peluang latihan secara langsung," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Semalam, Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bersetuju menetapkan gaji premium kepada lepasan bidang itu pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata penetapan kadar gaji itu melebihi daripada pendapatan minimum RM1,500 yang ditetapkan kerajaan ketika ini.

Katanya, ketetapan dibuat itu adalah bagi menarik lebih ramai lepasan TVET untuk bekerja di sektor berkaitan.

Mengulas lanjut, Mohammad Rizan berkata langkah itu membantu memastikan graduan TVET bersedia untuk bekerja dan memenuhi piawaian industri, yang membawa kepada potensi pendapatan lebih tinggi.

Justeru, katanya, penetapan gaji premium berupaya menyumbang kepada peningkatan keseluruhan kualiti pendidikan TVET kerana ia berfungsi sebagai ganjaran ketara untuk pelajar dan institusi yang mengutamakan kecemerlangan dalam latihan.


METRO

26 SEPTEMBER 2024

MY METRO | PENUBUHAN HAB DIGITAL TVET & CAREERS SELARI DENGAN PERMINTAAN BAKAT MAHIR

Penubuhan Hab Digital TVET & Careers selari dengan permintaan bakat mahir

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my



GAMBAR hiasan

Dengkil: Permintaan tinggi bakat mahir dalam industri digital dijangka dapat dipenuhi dengan penubuhan Digital TVET & Careers Hub di sini, yang menawarkan program latihan dan laluan kerjaya dalam pelbagai bidang.

Inisiatif terbabit diterajui penyedia latihan, teknikal dan vokasional serantau (TVETAA) yang bergiat aktif memajukan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia dengan disokong pemain industri utama dan organisasi latihan yang bertujuan melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran digital kritikal.

Teras inisiatif ini, satu platform inovatif ClickED, yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk memadankan kemahiran dengan pekerjaan digital dalam program Place & Train yang dikendalikan melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Timbalan Menteri Digital Datuk Wilson Ugak Kumbong berkata, penubuhan hab itu selari dengan perkembangan landskap digital di Malaysia yang semakin pesat sehingga permintaan untuk bakat mahir meningkat ke tahap luar biasa selain turut didorong dengan faktor pelaburan tempatan dan antarabangsa.

Katanya, masa depan pekerjaan di seluruh dunia sedang berubah seiring dengan kemajuan, dipercepatkan dengan teknologi baharu seperti AI, data raya, pengkomputeran awan dan keselamatan siber.

"Trend ini diketengahkan dalam Laporan Masa Depan Pekerjaan Forum Ekonomi Dunia 2023, yang menekankan kepentingan mendesak untuk menyediakan tenaga kerja digital yang berdaya saing.

"Kita akan terus bekerjasama dengan industri untuk mengenal pasti keperluan kemahiran semasa dan akan datang dengan agensi seperti MDEC dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai pemudah cara.

"Pada masa sama, kita juga bekerjasama dengan institusi pendidikan seperti universiti, politeknik, kolej dan pusat GiatMARA untuk mengenal pasti bakat digital berpotensi tinggi untuk mengikuti program latihan seperti ini," katanya di majlis Pelancaran Digital TVET & Careers Hub di sini, hari ini.

Turut hadir, Naib Presiden Kanan MDEC Raymond Siva serta Pengarah Urusan TVETAA Datuk Bruce Lim Aun Choong.

Sementara itu, Bruce berkata, penubuhan Digital TVET & Careers Hub bertujuan merapatkan jurang antara permintaan untuk bakat digital dengan bekalan semasa dari institusi pendidikan.

"Kami menangani isu ini dengan menawarkan kelayakan yang diiktiraf industri serta pensijilan antarabangsa, memastikan bakat kita memenuhi keperluan pemain digital yang semakin berkembang.

"Hab TVET ini menawarkan gabungan pembelajaran akademik, peningkatan kemahiran dan latihan semula secara praktikal serta pemupukan minda yang progresif.

"Matlamat kami untuk menjadikan hab ini sebagai finishing school, mempersiapkan calon dari institusi rakan kongsi untuk kerjaya digital di dunia sebenar," katanya.

Pada majlis sama, seramai 180 graduan menerima sijil Digital Boot Camp, sebuah program inovatif bagi memperkenalkan peserta kepada peluang kerjaya digital dan membina minda yang selari dengan kehendak industri.

Program itu menyaksikan sebilangan graduan berjaya menerima tawaran pekerjaan bersyarat daripada syarikat digital terkemuka.

Selain itu, Wilson turut menyaksikan majlis tandatangan perjanjian kerjasama antara TVETAA dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), pelbagai politeknik serta pusat GiatMARA.

Beberapa syarikat terkemuka dan Dewan Perniagaan Digital Malaysia (MDCC) juga menyatakan sokongan mereka dengan menubuhkan makmal industri dan sumber di hab terbabit.

TVETAA mengukuhkan komitmennya melalui kerjasama dengan penyedia latihan digital terkemuka seperti K-Pintar, Thriving Talents, Peoplelogy dan Human Kapital, yang menawarkan pensijilan digital dan teknologi yang diiktiraf di peringkat global.

TVETAA turut mengendalikan Program kerjaya digital lain termasuk Program K-Youth Khazanah Nasional, HRDCorp, Program Bina Kerjaya Perkeso serta kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Disiarkan pada: September 26, 2024 @ 4:13pm

METRO

26 SEPTEMBER 2024

MY METRO | SEKTOR SWASTA PERLU BANTU BANGUNKAN PENDIDIKAN TEKNOLOGI AI

Sektor swasta perlu bantu bangunkan pendidikan teknologi AI - PM

Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my



Iskandar Puteri: Pembabitan sektor swasta dalam sistem pendidikan awam seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebelum ini boleh dilaksanakan dalam Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) yang sedang dan akan dimajukan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hasil kerjasama sektor swasta termasuk syarikat konglomerat terkenal bersama kerajaan itu menunjukkan bagaimana ia dapat memenuhi keperluan masa hadapan negara.

"Kita lihat bagaimana Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memperkasakan TVET... Kita tidak boleh hanya dengan silibus latihan TVET yang terdahulu, tetapi lebih baiknya apabila sektor swasta beri kerjasama.

Jadi, saya lihat dengan TVET dan latihan teknikal AI, ia akan lebih efisien untuk ada kerjasama sektor swasta dan kerajaan berbanding program pendidikan yang biasa sahaja.

Jadi, kita perlukan institusi perbankan, Khazanah, Bursa Malaysia dan syarikat-syarikat konglomerat, bergabung dengan mereka (Fakulti AI) dalam membantu melahirkan tenaga kerja kompeten," katanya ketika berucap pada Invest Malaysia : Where Policy Meets Progress @ Iskandar Puteri di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Penasihat Ekonomi (Pelaburan) Negeri Johor, Datuk Seri Ir Hasni Mohammad.

Terdahulu, Januari lalu, dilaporkan seramai 120 penuntut tempatan akan menjadi kumpulan perintis bagi mengikuti pengajian di Fakulti AI pertama negara di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

UTM bakal menawarkan kursus berkaitan AI menerusi fakulti itu selama tiga tahun bermula sesi Akademik 2024/2025

Mengulas lanjut, Anwar memuji langkah pembangunan Fakulti AI itu yang hanya mengambil masa empat bulan sahaja untuk direalisasikan.

Beliau berkata, ia penting dalam usaha pembangunan bakat selaras memacu pertumbuhan dan pelaburan di dua zon utama iaitu zon ekonomi dan zon kewangan di Iskandar Puteri.

"Saya bangga dengan kemampuan UTM dapat membangunkan Fakulti AI dalam tempoh singkat kerana lawatan saya ke Abu Dhabi sebelum ini, saya lihat pembangunan teknologi AI mengambil masa antara setahun atau dua tahun," katanya.

Sementara itu, Anwar turut memberitahu inisiatif baharu perlu terus diperkenal bagi menarik kemasukan lebih banyak pelaburan antarabangsa melalui kerjasama erat Malaysia dan negara anggota ASEAN.

"Sekarang kita lihat kolaborasi baik di Johor dengan Singapura melalui inisiatif Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), semua pemain industri turut berkolaborasi bagi menjadikan usaha ini satu kejayaan," katanya.

Disiarkan pada: September 26, 2024 @ 2:28pm

METRO

26 SEPTEMBER 2024

MY METRO | PENETAPAN GAJI PREMIUM TARIK GOLONGAN MUDA UBAH STIGMA TVET 'KELAS KEDUA'

Penetapan gaji premium tarik golongan muda ubah stigma TVET 'kelas kedua'

BERNAMA



GAMBAR hiasan.

Ipoh: Penetapan kadar gaji premium graduan lepasan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (TVET) mampu menjadi tarikan kepada golongan belia untuk memilih laluan berkenaan sebagai kerjaya masa depan.

Pengarah Politeknik Ungku Omar (PUO), Dr Shamsuri Abdullah berkata, gaji yang kompetitif turut membantu mengubah stigma masyarakat terhadap pendidikan TVET, yang sebelum ini sentiasa dipandang sebagai program pendidikan 'kelas kedua'.

"Langkah ini bukan sahaja meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan di peringkat global, malah dengan gaji yang menarik, kita dapat memastikan lebih ramai tenaga mahir akan terus kekal dan berkembang dalam pelbagai sektor.

"Ia juga secara tidak langsung, dapat meminimumkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing di negara ini," katanya ketika dihubungi Bernama, hari ini.

Pada 23 September lepas, Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) bersetuju menetapkan gaji premium kepada lepasan bidang berkenaan pada kadar RM2,500 hingga RM4,000.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, penetapan kadar gaji itu melebihi daripada pendapatan minimum RM1,500 yang ditetapkan kerajaan ketika ini.

Dalam pada itu, pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Perai (Pulau Pinang) Mohd Hazim Umar, 19, berkata, penetapan kadar gaji premium itu menjadi motivasi untuk berjaya dalam bidang diikutinya ketika ini iaitu jurusan Diploma Teknologi Kimpalan.

Menurut pelatih semester dua itu, dia memilih untuk meneruskan pengajian dalam bidang berkenaan selepas melihat kejayaan abang sulungnya Mohd Haziq, 32, yang juga bekas pelatih ILP Perai.

"Pada awalnya, ada dalam kalangan rakan terkejut apabila mengetahui saya meneruskan kerjaya dalam bidang kimpalan kerana keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya agak baik dan layak untuk mengikuti kursus lebih popular.

"Namun, selepas memikirkan semasak-masaknya, saya rasa bidang ini lebih menjamin pekerjaan dan menguatkan lagi tekad saya (belajar) apabila melihat abang menikmati gaji belasan ribu ringgit setiap bulan sebagai jurukimpal dalam air," katanya.

Bekas pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur, Jenagor di Terengganu, Muhammad Qayyum Abdul Latif, 34, pula berkata, keputusan penetapan gaji premium itu satu pengiktirafan dalam meletakkan tenaga kerja TVET sebaris dengan kerjaya lain yang menyumbang kepada pendapatan utama negara.

Anak kelahiran Kuala Kangsar yang mengusahakan perniagaan penyaman udara berkata langkah berkenaan perlu sentiasa dipantau bagi memastikan majikan yang terlibat secara langsung dalam bidang TVET mengikuti arahan ditetapkan oleh MTVET.

"Kita bimbang arahan telah dikeluarkan untuk kadar gaji tersebut namun ia (majikan) tak patuh. Jadi untuk pastikan ia dipatuhi maka pemantauan mahupun penguatkuasaan juga perlu dibuat.

"Ia bukan ugutan sebaliknya mahu melihat TVET ini berkembang dan mampu dijadikan sebagai kerjaya utama golongan belia dalam menjana pendapatan tetap," katanya.

Disiarkan pada: September 26, 2024 @ 9:47am

BERITA HARIAN

26 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | SEKTOR SWASTA PERLU BANTU BANGUNKAN PENDIDIKAN TEKNOLOGI AI

Sektor swasta perlu bantu bangunkan pendidikan teknologi AI - Anwar

Oleh Izz Laily Hussein - September 26, 2024 @ 2:55pm
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Invest Malaysia Where Policy Meets Progress di Hotel Sunway Big Box, Iskandar Puteri, Johor. - Foto NUR AISYAH MAZALAN

ISKANDAR PUTERI: Pembabitan sektor swasta dalam sistem pendidikan awam seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) boleh dilaksanakan dalam Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) yang sedang dan akan dimajukan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, hasil kerjasama sektor swasta termasuk syarikat konglomerat terkenal bersama kerajaan itu menunjukkan bagaimana ia dapat memenuhi keperluan masa hadapan negara.

"Kita lihat bagaimana Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memperkasakan TVET... Kita tidak boleh hanya dengan silibus latihan TVET yang terdahulu, tetapi lebih baiknya apabila sektor swasta beri kerjasama.

"Jadi, saya lihat dengan TVET dan latihan teknikal AI, ia akan lebih efisien untuk ada kerjasama sektor swasta dan kerajaan berbanding program pendidikan yang biasa sahaja.

"Jadi, kita perlukan institusi perbankan, Khazanah, Bursa Malaysia dan syarikat konglomerat, bergabung dengan mereka (Fakulti AI) dalam membantu melahirkan tenaga kerja kompeten," katanya ketika berucap pada Invest Malaysia : Where Policy Meets Progress @ Iskandar Puteri di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Penasihat Ekonomi (Pelaburan) Negeri Johor, Datuk Seri Ir Hasni Mohammad.

Terdahulu, Januari lalu, dilaporkan seramai 120 penuntut tempatan akan menjadi kumpulan perintis bagi mengikuti pengajian di Fakulti AI pertama negara di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

UTM bakal menawarkan kursus berkaitan AI menerusi fakulti itu selama tiga tahun bermula sesi Akademik 2024/2025.

Mengulas lanjut, Anwar memuji langkah pembangunan Fakulti AI itu yang hanya mengambil masa empat bulan sahaja untuk direalisasikan.

Beliau berkata, ia penting dalam usaha pembangunan bakat selaras memacu pertumbuhan dan pelaburan di dua zon utama iaitu zon ekonomi dan zon kewangan di Iskandar Puteri.

"Saya bangga dengan kemampuan UTM dapat membangunkan Fakulti AI dalam tempoh singkat kerana lawatan saya ke Abu Dhabi sebelum ini, saya lihat pembangunan teknologi AI mengambil masa antara setahun atau dua tahun," katanya.

Sementara itu, Anwar turut memberitahu inisiatif baharu perlu terus diperkenal bagi menarik kemasukan lebih banyak pelaburan antarabangsa melalui kerjasama erat Malaysia dan negara anggota ASEAN.

"Sekarang kita lihat kolaborasi baik di Johor dengan Singapura melalui inisiatif Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), semua pemain industri turut berkolaborasi bagi menjadikan usaha ini satu kejayaan," katanya.

BERITA HARIAN

27 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | MITI DAY 2024 PADA 1 OKTOBER TAWAR LEBIH 2,600 PELUANG KERJA

MITI Day 2024 pada 1 Oktober tawar lebih 2,600 peluang kerja

Oleh BERNAMA - September 27, 2024 @ 2:39pm



Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz - NSTP/AIZUDDIN SAAD

MITI Day 2024, anjuran Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menawarkan lebih 2,600 peluang pekerjaan kepada belia dan pencari kerja pada acara tahunan itu bertempat di Menara MITI, dekat ibu negara pada 1 Oktober ini.

Menurut MITI dalam kenyataan semalam, pelbagai peluang dan insentif turut ditawarkan kepada wanita serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui penglibatan lebih 80 syarikat tempatan dan antarabangsa pada hari terbuka terbabit.

Katanya, acara itu bakal menarik lebih 10,000 pengunjung yang berpeluang memanfaatkan inisiatif kerajaan dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam kenyataan yang sama, Menteri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kementerian mahu memastikan inisiatif yang ditawarkan dapat memanfaatkan semua lapisan industri, daripada syarikat pelbagai saiz hingga kepada golongan usahawan.

"Khusus bagi belia dan pencari kerja, mesej penting yang hendak disampaikan ialah mengenai prospek kerjaya yang baik dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

"Melalui pendekatan ini, saya yakin kita dapat bersama-sama membangunkan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif untuk Malaysia," katanya.

Tengku Zafrul berkata, MITI Day 2024 bukan sekadar hari terbuka tetapi satu usaha yang menekankan keutamaan kementerian dalam memperkasakan ekonomi rakyat dan menyokong transformasi industri negara untuk kesejahteraan bersama.

Antara sorotan utama pada acara itu ialah eksplorasi kerjaya; pameran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan akademi dalam industri; pameran kementerian dan agensi; taklimat perniagaan, pelaburan dan saham; jualan harga kilang dan usahawan tempatan; Mini Malaysia Autoshow dan kaunter diskaun saman Polis Diraja Malaysia (PDRM).

BERITA HARIAN

27 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | TVET TAHFIZ DIPERLUAS KE BIDANG PENERBANGAN

TVET Tahfiz diperluas ke bidang penerbangan

Oleh Amir Mamat - September 27, 2024 @ 8:31pm
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid ketika berucap merasmikan Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), hari ini. - NSTP/AMIR MAMAT

AYER KEROH: Program Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz diperluas dengan mengembangkan pengetahuan golongan hafiz al-Quran kepada bidang teknologi penerbangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata justeru seramai 622 hafiz al-Quran dipilih untuk menjalani latihan dalam bidang penerbangan bagi melahirkan generasi yang mampu menyumbang dalam pelbagai bidang profesional pada peringkat global.

Beliau berkata, kerajaan akan memastikan mereka ditempatkan di beberapa syarikat gergasi antarabangsa, termasuk Airbus serta Boeing, sekali gus mengubah tanggapan bahawa masa depan golongan itu hanya tertumpu dalam bidang agama.

"Saya berbangga melihat Institut Teknologi Penerbangan Malaysia Universiti Kuala Lumpur (UniKL MIAT) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut yang berjaya melahirkan ramai graduan TVET Tahfiz yang bukan saja mahir dalam teknologi, malah huffaz (hafiz al-Quran).

"Kini, 17 huffaz sudah bekerja dalam bidang penerbangan, yang sedang dilatih seramai 622 orang dan semuanya kita yakin (akan mendapat tempat pekerjaan) kerana kita telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat kejuruteraan dalam bidang aeroangkasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, bawah Program TVET Aras Tinggi (Hi-TVET), industri aeroangkasa, Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) juga menawarkan kepada lepasan pelajar Hi-TVET untuk bekerja di CTRM serta mendalami ilmu di syarikat Airbus dan Boeing di Eropah dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, KKDW sebagai pemegang taruh terbesar institusi TVET negara juga terus memperkukuhkan peranannya melalui Hi-TVET.

Katanya, pelbagai program berimpak tinggi diperkenalkan dalam sektor strategik seperti aeroangkasa, perkapalan, teknologi rel, robotik dan satelit.

Sebagai contoh, beliau berkata, kursus dalam bidang aeroangkasa kini memfokus kepada melatih tenaga kerja dalam pengeluaran dan penyelenggaraan pesawat, selaras keperluan industri penerbangan.

"Begitu juga graduan TVET dalam bidang perkapalan dan teknologi rel menjadi penekanan dalam memenuhi keperluan pengangkutan global.

"KKDW menyahut pelaksanaan program latihan berimpak tinggi ini dengan menyediakan program 'upskilling' dan 'reskilling' khas bagi memantapkan tenaga pengajar dengan mengadakan kerjasama dengan institusi seperti Polimoda Itali dalam bidang fesyen, Dekra Akademie Jerman dalam bidang motor elektrik dan bateri, serta IBM Malaysia dalam bidang komputer," katanya.

Ahmad Zahid berkata, inovasi teknousahawan yang sedang dilaksanakan di beberapa institusi TVET harus dipuji dan akan terus diperkasakan.

Katanya, ini kerana selain bergantung pada tawaran gaji daripada majikan, usahawan yang lahir daripada institusi TVET mampu menjana pendapatan sendiri dan menggajikan individu atau melahirkan usahawan lain.

"Hingga 2023, seramai 418 pelajar Diploma Teknousahawan dari lapan kluster TVET sudah mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM60 juta dalam tempoh pengajian mereka, sekali gus menunjukkan potensi besar dalam bidang ini," katanya.

METRO

28 SEPTEMBER 2024

MY METRO | GRADUAN UCAM BUKAN HANYA 'MAKAN GAJI'

Graduan UCAM bukan hanya 'makan gaji'

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



DR Rossly bersama kakitangan UCAM di Ekspo TVET@KKDW 2024 di MITC, Ayer Keroh. FOTO Meor Riduwan Meor Ahmad

Melaka: Kebolehpasaran pelajar lepasan program latihan kemahiran dalam pelbagai bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang ditawarkan oleh agensi serta institusi pendidikan amat tinggi di negara ini.

Malah, tidak terhadap kepada 'makan gaji', alumni TVET juga berpeluang menjadi usahawan dengan mengusahakan perniagaan sendiri berdasarkan kemahiran dimiliki.

Rektor Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Ts Dr Rossly Salleh berkata, kebolehpasaran pelajar kolej berkenaan misalnya mencapai 97 peratus.

“

"Hampir semua pelajar lepasan UCAM mendapat pekerjaan. Kebanyakan mereka mendapat pekerjaan di sektor swasta dan sektor awam atau kerajaan.

"Oleh kerana UCAM di bawah RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah) yang memang dikenali, maka tiada masalah untuk mendapat pekerjaan.

"Setiap pelajar UCAM ini disediakan dengan pelbagai kemahiran dan ilmu sebelum keluar yang memenuhi kehendak dan diterima bekerja di industri selain ramai juga yang menjadi usahawan," katanya kepada Harian Metro pada Ekspo TVET@KKDW 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, semalam.

Menurut Rossly, TVET sekarang bukan pilihan kedua atau ketiga bahkan pilihan utama yang perlu diambil oleh pelajar kerana dunia memerlukan pakar-pakar dan kemahiran.

"Justeru saya mengalu-alukan pelajar dan orang ramai berkunjung ke ekspo ini untuk mendapatkan pelbagai maklumat peluang pendidikan termasuk pembiayaan ditawarkan UCAM dan institusi TVET dan agensi lain.

"Bagi saya ekspo ini amat bagus dalam menyediakan informasi khususnya TVET kepada masyarakat," katanya.

"Setiap pelajar UCAM ini disediakan dengan pelbagai kemahiran dan ilmu sebelum keluar yang memenuhi kehendak dan diterima bekerja di industri selain ramai juga yang menjadi usahawan," katanya kepada Harian Metro pada Ekspo TVET@KKDW 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, semalam.

Menurut Rossly, TVET sekarang bukan pilihan kedua atau ketiga bahkan pilihan utama yang perlu diambil oleh pelajar kerana dunia memerlukan pakar-pakar dan kemahiran.

"Justeru saya mengalu-alukan pelajar dan orang ramai berkunjung ke ekspo ini untuk mendapatkan pelbagai maklumat peluang pendidikan termasuk pembiayaan ditawarkan UCAM dan institusi TVET dan agensi lain.

"Bagi saya ekspo ini amat bagus dalam menyediakan informasi khususnya TVET kepada masyarakat," katan-ya.

Disiarkan pada: September 28, 2024 @ 7:03am

METRO

28 SEPTEMBER 2024

MY METRO | MEDAN PROMOSI PROGRAM TVET

Medan promosi program TVET

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



ANTARA aktiviti pertandingan robotik yang disertai kanak-kanak di Ekspo TVET@KKDW 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka MITC, Ayer Keroh. FOTO Meor Riduwan Meor Ahmad

Melaka: Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2024 (Ekspo TVET@KKDW 2024) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) bermula semalam bukan saja mempromosikan program pendidikan TVET malah diwarnai pelbagai aktiviti seperti demonstrasi, pameran kemahiran dan pertandingan untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Memasuki tahun keenam pengajurannya, ekspo ini menjadi medan promosi tahunan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ditawarkan oleh agensi dan institusi pendidikan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Ia dianjurkan menerusi kolaborasi antara pihak KKDW, Majlis TVET Negara (MTVET) serta Kerajaan Negeri Melaka yang berlangsung sehingga Ahad ini. Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Sebanyak 279 institusi pengajian TVET menyertai ekspo kali ini dengan pelbagai tawaran pengajian dalam bidang teknikal di bawah tujuh agensi utama Kementerian ini iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS); Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA); Majlis Amanah Rakyat (MARA); Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA); Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA); Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA); dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

Sementara itu, institusi pendidikan TVET yang terbabit termasuk Akademi Kemahiran KEMAS; Universiti Kuala Lumpur (UniKL); German-Malaysian Institute (GMI); MARA Japan Industrial Institute (MJII); Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM); Institut Kemahiran MARA (IKM); GIATMARA; Kolej KEDA; Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH); Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM); Kolej Risda; Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor dan Kolej Ketengah.

Tinjauan mendapati pelbagai program aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung yang memfokuskan pengisian kepada enam zon iaitu, Zon 1 bagi Pameran dan Demonstrasi, Zon 2 (Cabaran Kemahiran dan Fesyen), Zon 3 (Industri dan Kolaborasi), Zon 4 (Teknousahawan dan Jualan), Zon 5 (Seminar dan Kerjaya) dan Zon 6 (Komuniti dan Perkhidmatan).

Di Zon 2 antara yang mencuri tumpuan pengunjung seperti pertandingan cabaran kemahiran penyelenggaraan basikal, pertandingan kemahiran motosikal, pertandingan inovasi, pertandingan arca kreatif (produk pengguna, automotif/pengangkutan, pendidikan, elektrik dan elektronik) dan pertandingan operasi dron.

Turut diadakan di zon ini adalah pertandingan fesyen seperti pertandingan peragaan busana tradisional dan kontemporari dan pertandingan 48 Hours Challenge.

Penganjur menyasar peningkatan enrolmen pelajar ke institusi pendidikan TVET sebanyak 10 peratus tahun hadapan dengan penganjuran ekspo ini.

Sehingga 31 Disember 2023, enrolmen bilangan pelajar sedia ada di institusi pendidikan TVET adalah seramai 65,433 orang.

Disiarkan pada: September 28, 2024 @ 7:03am

BERITA HARIAN

29 SEPTEMBER 2024

BERITA HARIAN | KOS PENYELESAIAN SAMBUNGAN INTERNET DI UNIVERSITI AWAM DIANGGAR SEHINGGA RM1 BILION

Kos penyelesaian sambungan internet di universiti awam dianggar sehingga RM1billion

Oleh Amalia Azmi - September 29, 2024 @ 3:43pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi merangkap Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir (enam kanan depan), Presiden Makkal Sakti, Datuk RS Thanenthiran (lima kanan depan) dan Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri Saravanan Murugan (empat kanan depan) pada Perhimpunan Agung Parti Makkal Sakti Malaysia ke-16 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur, hari ini. - Foto NSTP/Ahmad Ukasyah

KUALA LUMPUR: Kos bagi penyelesaian masalah sambungan internet di universiti awam dan politeknik di seluruh negara dianggarkan bernilai antara RM700 juta hingga RM1 bilion.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir yang mengesahkan perkara itu berkata bagi mengatasi masalah berkenaan, persetujuan sudah dicapai bersama Kementerian Komunikasi untuk tindakan susulan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan KPT (Kementerian Pendidikan Tinggi) dan Kementerian Komunikasi, khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bekerjasama.

"Dan persetujuan sudah dicapai antara kedua-dua kementerian.

Tahun ini (pelan pemulihan) penggantian peralatan lapuk yang mungkin menggunakan sistem dengan sambungan lemah," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Makkal Sakti ke-16, di sini hari ini.

Hadir sama Presiden Makkal Sakti, Datuk Seri RS Thanenthiran dan Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan.

Sebelum ini, Anwar mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi bekerjasama dalam menangani isu sambungan internet di universiti awam.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil pula dilaporkan berkata Perdana Menteri mahu proses itu disegerakan berikutan kedatangan semester baharu.

Mengulas lanjut, Zambry yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) berkata perbincangan sudah dimulakan minggu ini, membabitkan pemasangan sistem dan menara komunikasi untuk meningkatkan infrastruktur selepas diluluskan universiti.

"Inisiatif ini juga membabitkan jumlah yang besar. Kami menganggarkan kos untuk (universiti awam) di seluruh negara dan politeknik adalah antara RM700 juta hingga RM1 bilion.

"Kami meneruskan usaha dan berharap inisiatif ini akan meningkatkan kualiti pengajaran di universiti serta sistem rangkaian yang terdapat di universiti mahupun politeknik," katanya.

Zambry berkata menyedari keperluan sistem komunikasi, pihaknya melahirkan harapan supaya peningkatan ini dapat memberi kelebihan kepada universiti untuk bersaing di persada antarabangsa.